

قتین تیتہ

PETIKAN TITAH

"EJEN pembawa perubahan, seperti institusi keluarga, institusi pendidikan, dakwah. Media dan lain-lain, perlu melihat perkara ini dengan keinsafan yang mendalam, supaya kita dapat sama-sama fokus bagaimana mengubat dan sekali gus melahirkan modal insan yang berkualiti."
- Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-24 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 17 Safar 1429 Hijrah / 23 Februari 2008 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسٹ ایمان
MANISNYA IMAN

"DAN tolong-menolong kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwa kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat seksanya."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa'idah, ayat 2).

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.07 SUBUH 5.17 SYURUK 6.36 DUHA 6.59 ZUHUR 12.35 ASAR 3.56 MAGHRIB 6.33 ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 17

8 FEBRUARI 2017 / 1438 جمادى الأولى 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Berkenan hantar perutusan tahniah kepada baginda Queen



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland bersempena dengan Jubli Nilam Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II.

Di dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyifatkan dedikasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II yang berterusan selama 65 tahun ke arah kebajikan dan Perkhidmatan Awam telah mendorong dan mempengaruhi kehidupan rakyat British termasuk mereka di dalam Komanwel dan juga di mana-mana.

Kebawah DYMM seterusnya berharap untuk terus memperkukuhkan hubungan tradisi dan persahabatan serta kerjasama yang telah sekian lama terjalin di antara kedua-dua buah negara dan rakyat di tahun-tahun mendatang.

Pada mengakhiri titah perutusan berkenaan, baginda menyampaikan salam muhibah dan semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II akan sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera dan kegembiraan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland bersempena dengan Jubli Nilam Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II.

Berusaha tingkatkan kapasiti, profesionalisme pegawai

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terus menerus berkembang dalam *core business*nya dan mencapai kemajuan dalam bidang-bidang persekolahan dan pendidikan agama, ehwal masjid, pengembangan dakwah, perundangan syariah, pemakanan halal, pengutipan dan pengagihan zakat, pengurusan ibadat haji dan umrah, pengurusan koporat dan pengembangan syiar Islam melalui acara-acaranya yang tertentu, serta bidang-bidang lain yang berkaitan dengan ehwal agama.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berkata, sehubungan dengan itu, tentu sahaja KHEU

berusaha meningkatkan kapasiti dan profesionalisme pegawai-pegawainya.

"Ini sangat penting supaya para pegawai tersebut mampu memberikan perkhidmatan yang selaras dengan piawaian perkhidmatan cemerlang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat pada Muzakarah KHEU bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2017 berlangsung di Dewan Multaqa, kementerian berkenaan.

KHEU, jelas Yang Berhormat juga berusaha supaya generasi baharu pegawai-pegawainya yang beruntung mendapat pendidikan yang baik akan berupaya mengolah diri mereka untuk dapat berbaur serasi dengan rakan-rakan mereka dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Ke muka 4

Hasil pelaksanaan Inisiatif Pendidikan Rendah cermin usaha Kementerian Pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Bermula Tahun 2015, kita telah menyaksikan transformasi pendidikan dengan adanya Pelaksanaan Inisiatif Pendidikan Rendah (Primary Education Initiatives atau PEI).

Hasilnya, peningkatan sebanyak 3.1 peratus pelajar kita memperolehi Gred 'A' hingga 'C' pada Tahun 2015 dari PSR 2014, iaitu pencapaian yang tertinggi (67%) sejak SPN21 diperkenalkan.

Pencapaian ini telah mencerminkan usaha seluruh warga Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing terutama sekali tenaga pengajar untuk mendidik anak-anak bangsa dan memastikan mereka mendapatkan pendidikan yang berkualiti.

Walau bagaimanapun, bagi PSR 2016, pencapaian kita meningkat hanya sedikit, menunjukkan bahawa masih banyak yang perlu kita

mantapkan untuk kejayaan meningkatkan pada kadar yang memuaskan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada Majlis Penghargaan Inisiatif Pendidikan Rendah Tahun 2015 / 2016 dan Ramah Mesra Bersama Menteri Pendidikan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

"Dengan kejayaan yang telah kita perolehi dari pelaksanaan inisiatif Pendidikan Rendah itu, maka kementerian seterusnya telah mengambil langkah pada tahun ini untuk melancarkan pelaksanaan inisiatif yang sama ke sekolah-sekolah menengah," tegasnya.

Menurut Yang Berhormat, kejayaan PEI adalah bukti kerjasama dan usaha padu yang telah dibina di antara Focus Area Champions, ketua-ketua kluster,

dengan pemimpin-pemimpin sekolah terutama sekali guru-guru yang telah bekerja keras dalam memastikan implementasi inisiatif ini berjalan dengan lancar seperti yang dihasratkan.

Ke muka 3



Muka 6

PEMBARIGAN
mengenai ASEAN
dikongsikan

IKUTI KAMI DI



infodept.bn @Infodept_bn

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Dasar Pendidikan Inklusif komited dilaksanakan

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat sama-sama hadir di majlis untuk memperkenalkan inisiatif baharu Unit Pendidikan Khas (UPK), iaitu melancarkan logo dan poster serta pembukaan rasmi jerayawara, yang diselenggarakan dengan penyampaian sijil kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas lepasan Program Pra-Vokasional Sesi 2012 hingga 2016 pada petang ini.

Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan berbilang-banyak terima kasih kepada Pengerusi Majlis di atas ingatan baik menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat majlis di petang yang berbahagia ini.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada UPK di atas inisiatif mewujudkan logo dan moto, 'Anak Adalah Anugerah', yang kita harap dapat membantu memperkasakan lagi usaha Kementerian Pendidikan dalam memastikan setiap kanak-kanak, termasuk mereka yang berkeperluan khas, menjadi warganegara yang menyumbang kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara kerana mereka semua adalah aset dan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala.

Sejak tahun 1997, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Dasar Pendidikan Inklusif, iaitu kanak-kanak atau pelajar-pelajar berkeperluan khas diberi peluang untuk belajar bersama-sama dengan rakan-rakan sebaya mereka di aliran perdana. Alhamdulillah, seperti yang dinyatakan oleh Pengerusi Majlis tadi, pada masa ini, kira-kira 4,303 orang pelajar berkeperluan khas sedang belajar di sekolah-sekolah peringkat rendah, menengah, pasca menengah dan ke pengajian tinggi.

Ini menunjukkan komitmen tinggi Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Inklusif yang selaras dengan Dasar Pendidikan Wajib Tahun 2007. Kementerian Pendidikan juga sentiasa merancang dan menyediakan pelbagai kemudahan dan program yang bersesuaian untuk memantapkan lagi usaha-usaha yang telah dilaksanakan itu. Oleh sebab itu, hampir di seluruh sekolah rendah dan juga sekolah menengah di negara ini memiliki Bilik SENA dan disediakan guru-guru SENA dan Guru Home Room Program Pra-Vokasional, di samping menyediakan perkhidmatan pembantu guru atau *teacher aides*. Sembilan buah sekolah rendah dan sekolah menengah juga telah dijadikan Model Inclusive Schools (MIS), iaitu sekolah-sekolah yang dilengkapi dengan bilik khas dan kemudahan-kemudahan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Pelancaran Rasmi Logo dan Poster diselenggarakan dengan Pembukaan Rasmi Jerayawara Unit Pendidikan Khas dan Majlis Penyampaian Sijil Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas Lepsan Program Pra-Vokasional pada hari Rabu, 4 Jamadilawal 1438 Hijrah bersamaan 1 Februari 2017 Masihi di Dewan Mahligai, Tingkat 3, Airport Mall, Berakas.

yang bersesuaian serta mempunyai kurikulum yang khusus untuk kemahiran hidup.

Dasar Pendidikan Inklusif kita juga telah menunjukkan beberapa kejayaan, baik dari pencapaian akademik dan bidang lain. Walaupun jumlahnya adalah kecil, tetapi pencapaian tersebut cukup membanggakan. Di antaranya adalah kejayaan salah seorang pelajar yang cacat anggota, yang telah meraih kejayaan dalam bidang akademik hingga ke peringkat sarjana di Leicester University, United Kingdom dan sekarang bertugas sebagai seorang pendidik di salah sebuah sekolah rendah.

Demikian juga dengan kejayaan dua pelajar lepasan Program Pra-Vokasional yang diraikan hari ini. Ini adalah antara kisah kejayaan yang dicapai hasil dari Dasar Pendidikan Inklusif itu. Kejayaan-kejayaan sebeginilah yang harus lebih banyak diwujudkan oleh pelaksanaan dasar tersebut.

Oleh sebab itu, adalah sangat penting bagi setiap pihak sentiasa terbuka dan sedia mendukung tanggungjawab masing-masing untuk memastikan setiap kanak-kanak yang berkeperluan khas ini mempunyai peluang untuk hidup sebagaimana kanak-kanak yang lain hingga mereka mampu hidup berdikari dan berjaya seperti orang lain.

Dalam hubungan ini, saya menyokong usaha UPK untuk melaksanakan jerayawara, yang kita hasratkan untuk menanam keyakinan masyarakat, terutama para ibu bapa dan para pemimpin masyarakat serta para guru sendiri, bahawa usaha Kementerian Pendidikan ini perlu mendapat sokongan padu bagi mendapatkan hasil yang maksimum. Di samping itu, jerayawara ini akan memberi kesedaran awam bahawa Kementerian Pendidikan telah berusaha dan menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan, termasuk khidmat konsultasi di UPK.

Sehubungan dengan itu, pujian harus kita berikan kepada 16 orang pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan awam Peringkat 'O' dan 'A', yang atas inisiatif mereka sendiri telah menyertai program penempatan kerja sementara selaku pembantu guru pendidikan khas sukarelawan bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas yang baru memulakan persekolahan mereka pada tahun ini. Inisiatif sebegini hendaklah dijadikan ikutan para pelajar dan remaja lainnya. Jumlah mereka juga perlu ditingkatkan lagi di masa hadapan kerana melaluinya boleh memupuk rasa tanggungjawab dan kefahaman di kalangan generasi muda terhadap kanak-kanak yang memerlukan perhatian dan pendidikan khas itu.

Di samping itu, melalui pelaksanaan terancang Dasar Pendidikan Inklusif itu, telah menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan adalah komited berusaha sebaik mungkin untuk memenuhi salah satu bidang keutamaan South East Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) atau SEAMEO *priority areas*, iaitu *addressing barriers to inclusion* di peringkat serantau. Di samping itu, di peringkat antarabangsa Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk menyelaraskan sistem pendidikan inklusif dengan sasaran keempat United Nation Sustainable Development Goals yang menitikberatkan *ensure inclusive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all*.

Di dalam kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada 49 orang pelajar yang telah dan baru menamatkan Program Pra-Vokasional bagi sesi tahun 2012 hingga 2016. Alhamdulillah, mereka telah pun menamatkan program ini dan sebagaimana matlamat program ini, iaitu adalah penting untuk membentuk pelajar menjadi seorang dewasa yang berjaya, berguna dan berdisiplin, berdaya saing, berkeyakinan diri dan berdikari dengan tahap keupayaan individu masing-masing, kita yakin yang mereka akan menjadi hamba Allah yang berguna kepada agama, bangsa dan negara kita yang tercinta ini.

Ke muka 6

Dari Sidang
Pengarang.

8 FEBRUARI 2017 BERSAMAAN 1438 جمادى الأول 11

APLIKASI 'SAFETY GUIDE' BANTU HADAPI MASALAH BENTUK KECEMASAN ATAU BENCANA

APABILA dilanda masalah berbentuk kecemasan atau bencana, lazimnya perasaan panik akan timbul dan sering kali tidak tahu apa yang perlu dibuat untuk menangani masalah tersebut. Apatah lagi jika belum menerima sebarang latihan seperti tatacara menyelamatkan individu lemas, memberikan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) dan lain-lain, ini akan lebih menyulitkan keadaan.

Justeru, dengan pelancaran satu Aplikasi Mudah Alih 'Safety Guide' oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dengan kerjasama pelbagai agensi adalah diharap akan boleh mendidik dan memberi panduan asas kepada orang ramai sebagai persediaan bagi menghadapi sebarang masalah bentuk kecemasan atau bencana.

Ita dihasratkan bagi meningkatkan lagi pengetahuan orang awam mengenai bencana yang mungkin terjadi dan pernah dialami seperti banjir, tanah susur dan gegaran baru-baru ini. Dengan adanya aplikasi ini, adalah diharap ia boleh membimbing orang ramai langkah-langkah yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas kejadian-kejadian kecemasan atau bencana.

Apabila meninjau perisian aplikasi mudah alih tersebut, ia mengandungi pelbagai maklumat yang cukup informatif dan disediakan dalam dwi bahasa – bahasa Melayu dan Inggeris. Antara isi kandungan yang dimaksudkan ialah doa menolak bencana; tatacara memberi pertolongan cemas; tindakan-tindakan yang boleh diambil apabila berlaku kecemasan atau bencana; panduan keselamatan kebakaran dan tindakan-tindakan bagi melindungi diri dari ancaman pegganasan.

Sehubungan itu sebagai langkah untuk sentiasa siaga, orang ramai adalah dinasihatkan untuk memuat turun aplikasi berkenaan dan mengambil inisiatif masing-masing untuk mempelajari maklumat yang dikongsikan agar mereka menjadi lebih waspada dan sentiasa bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Ia boleh dimuat turun secara percuma di App Store bagi pengguna iOS dan Google Play bagi pengguna Android.

Hasrat murni NDMC untuk mendidik orang ramai untuk lebih bersiap siaga menghadapi masalah berbentuk kecemasan atau bencana ini merupakan satu langkah yang patut didukung kerana melalui aplikasi tersebut banyak perkara yang boleh dipelajari. Ia mungkin sahaja boleh membantu kita jika sekiranya menghadapi keadaan tersebut dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, boleh membantu menyelamatkan nyawa.

NDMC merupakan agensi peneraju utama bagi pengurusan bencana di Negara Brunei Darussalam dan di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Negara Brunei Darussalam. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**

Ramalan Cuaca 3 Hari

| RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|-------------|-------------|-------------|
| 32°C / 25°C | 32°C / 25°C | 32°C / 25°C |
| 32°C / 25°C | 32°C / 25°C | 32°C / 26°C |
| 32°C / 25°C | 32°C / 25°C | 32°C / 25°C |
| 32°C / 25°C | 32°C / 26°C | 32°C / 25°C |
| 32°C / 25°C | 32°C / 25°C | 32°C / 26°C |
| 32°C / 25°C | 32°C / 26°C | 32°C / 25°C |

114

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

| Masihi FEBRUARI | HARI | Hijrah JAMADILAWAL | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|-----------------|--------|--------------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 8 | RABU | 11 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 9 | KHAMIS | 12 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 10 | JUMAAT | 13 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 11 | SABTU | 14 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 12 | AHAD | 15 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 13 | ISNIN | 16 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 14 | SELASA | 17 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | AMBULANS 993 | POLIS 995 | BOMBA 998 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123

NDMC 2380214

Hasil pelaksanaan Inisiatif Pendidikan Rendah cermin usaha Kementerian Pendidikan

Dari muka 1

Yang Berhormat difahamkan bahawa ramai guru-guru di sini telah mengorbankan masa serta tenaga demi mendidik pelajar-pelajar tanpa mengira waktu dan guru-guru seperti inilah harus dicontohi, yang mana ada antara guru-guru yang terus mengadakan kelas-kelas tambahan intensif atau intervensi pada hari minggu, di waktu petang, di rumah mereka sendiri serta mengadakan kelas intensif pada sebelah malam bagi pelajar-pelajar yang tinggal di asrama Maktab Duli.

Ini merupakan pelaburan kita yang tidak ternilai jelas Yang Berhormat, demi melahirkan generasi berwawasan, ibu bapa yang lebih bertanggungjawab serta rakyat yang akan menyumbang pada negara serta bangsa dan hanya Allah Subhanahu

Wata'ala yang akan memberi ganjaran pahala selayaknya.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan, Kementerian Pendidikan sentiasa komited dalam memberi sokongan yang diperlukan oleh guru-guru dan usaha-usaha seperti mendatangkan Pembimbing Antarabangsa (International Coaches) adalah salah satu daripada pelaburan kerajaan bagi tujuan ini.

Pada tahun ini katanya, kita akan dapat melihat pembimbing antarabangsa terlibat dalam memberi sokongan kepada guru-guru di bilik-bilik darjah terutamanya di sekolah-sekolah kerajaan dan ia adalah bagi maksud untuk melengkapkan dan mengemas kini guru dengan pengetahuan pedagogi yang terkini dan relevan.

"Selain dari itu, sesi pembangunan profesional juga terus diadakan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan

kapasiti guru-guru kita. Saya berharap sesi seperti ini akan dapat membantu guru dalam pengajaran untuk lebih kreatif serta yang dapat menyuntik semangat untuk meneruskan profesi perguruan secara amnya," tambah Yang Berhormat.

Menurut siaran akhbar, seramai 1,283 orang guru-guru terdiri daripada pemimpin sekolah rendah dan guru-guru yang mengajar Tahun 6 hadir pada majlis tersebut.

Majlis Penghargaan Inisiatif Pendidikan Rendah Tahun 2015/2016 dan Ramah Mesra Bersama Menteri Pendidikan antara lain bertujuan bagi mengenang jasa guru-guru Tahun 6, atas kejayaan pencapaian Penilaian Tahun Enam (PSR) Tahun 2015/2016; penganugerahan sijil penghargaan kepada guru-guru Tahun 6, 2015/2016; menghargai sumbangan para Peneraju Fokus Utama, ketua kluster dan pemimpin sekolah serta bagi



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (kanan) ketika menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang penerima.

mengeratkan silaturahmi di antara guru-guru dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh;

Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Profesor Madya Dr. Awang Haji Azman bin Haji Ahmad; Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus; pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan Inisiatif Pendidikan Rendah Tahun 2015/2016 dan Ramah Mesra Bersama Menteri Pendidikan yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

IBER UBD bantu membangunkan penyelidikan biodiversiti

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



PENGARAH Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER), Profesor Madya Dr. Kushan U. Tennakoon (tengah); Ketua KBFSC, IBER, Dayang Hajah Masnah binti Haji Mirasan (kanan) dan bakal Doktor Falsafah (Ph.D) di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Hanyrol binti Ahmad Sah (kiri) semasa ditemu bual bersama Pelita Brunei yang berlangsung di Bangunan IBER, UBD.

TUNGKU LINK, Selasa, 7 Februari. - Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD) berfungsi sebagai Fokal Agensi (Focal Agency) di UBD untuk organisasi yang sistematik bagi biodiversiti dan penyelidikan alam sekitar, pendidikan dan program jangkauan.

Penubuhan IBER, UBD adalah susulan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Canselor UBD pada Majlis Konvokesyen Ke-25 pada 12 September 2013.

Demikian dijelaskan oleh Pengarah IBER, Profesor Madya Dr. Kushan U. Tennakoon dalam temu bual bersama Pelita Brunei yang berlangsung di Bangunan IBER, UBD, pada hari

Sabtu lalu, 4 Februari 2017.

Jelasnya, matlamat IBER adalah untuk membangunkan penyelidikan biodiversiti di negara ini, di samping membantu untuk mencapai wawasan ekonomi, Wawasan 2035; dan memenuhi objektif konvensyen mengenai Kepelbagaian Biologi (CDB).

Inisiatif strategik utama katanya, adalah Pusat Kajian Kuala Belalong (KBFSC); Konsortium Antarabangsa Universiti Pengajian Biodiversiti dan Alam Sekitar (iCUBE); Plot dinamik hutan, iaitu KBFSC dan Inisiatif Heart of Borneo (HoB) Badas; Pangkalan Data Alam Sekitar dan Data Biodiversiti tempatan serta Program Pendidikan Alam Sekitar (KDNK, KBFSC, Sains Green).

Tambahnya, IBER adalah agensi

utama UBD dalam penyelidikan biodiversiti di luar negara yang dijalankan oleh kakitangan UBD dan mahasiswa.

Penyelidikan biodiversiti jelasnya, adalah salah satu kekuatan UBD di mana IBER mempunyai beberapa inisiatif penyelidikan utama untuk memajukan lagi penyelidikan biodiversiti di UBD, salah satu inisiatif penyelidikan utama adalah iCUBE; dan inisiatif utama yang lain termasuk kerjasama dengan Pusat Tropical Forest Science, Universiti Harvard untuk merangka dan memantau kepelbagaian pokok dan dinamik dalam 25 ha plot kekal dalam hutan

pada KBFSC.

Beliau seterusnya menyatakan, para penyelidik IBER menjalankan kajian ke atas biodiversiti dan alam sekitar ekosistem marin dan daratan seperti kajian mengenai flora dan fauna di negara ini yang telah menghasilkan penemuan baru, contohnya keserasian yang direkodkan antara kelawar dan tumbuhan *pitcher*.

Selain kepelbagaian biologi dan ekologi kajian, penyelidik IBER juga menjalankan penyelidikan ekosistem, dimana satu kumpulan kini mengkaji kesan penceroobahan *Acacia* di hutan di Brunei.

Para penyelidik juga menjalankan

penyelidikan biodiversiti guna, misalnya pada tumbuhan perubatan, dan baru-baru ini di *soundscape* ekologi, ujarnya.

Dalam pada itu, tambahnya, IBER juga bekerjasama dengan beberapa rakan-rakan antarabangsa dan serantau seperti di Amerika Syarikat, NYBG, Universiti Princeton, STRI dan Pusat Sains Galapagos.

Antara yang hadir semasa sesi temu bual tersebut, Ketua KBFSC, IBER, Dayang Hajah Masnah binti Haji Mirasan dan calon Ph.D dari Alam Sekitar dan Sains Kehidupan, Fakulti Sains, UBD.

Penemuan spesies 'Spectacled Flowerpecker' di Taman Negara Ulu Temburong

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Ihsan Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Selasa, 7 Februari. - Satu spesies burung baharu, 'Spectacled Flowerpecker' ditemui di Taman Negara Ulu Temburong, Negara Brunei Darussalam pada tahun lepas oleh seorang bakal Doktor Falsafah (Ph.D) di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Hanyrol binti Ahmad Sah.

Shubungan itu, Pelita Brunei membuat pendekatan bersama beliau di Bangunan Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER), UBD, di sini.

Ketika menjelaskan mengenai proses penemuan spesies burung baharu yang ditemui itu, beliau berkata, Spectacled Flowerpecker pertama kali ditemui di Lembah Danum, Sabah pada tahun 2009 dan kemudian, ia membuat penampilan pertamanya di Labi pada tahun 2014,

diikuti dengan beberapa kawasan di Kalimantan, Indonesia pada tahun 2015.

Dayang Hanyrol menambah, beliau berjaya menggambar Spectacled Flowerpecker di Taman Negara Ulu Temburong pada awal bulan Ogos 2016.

"Ia berkemungkinan kali ke-114 atau 115 saya mendaki menara kanopi Taman Negara Ulu Temburong (mungkin sekitar 10 pagi) di mana saya melihat seekor burung kecil memakan buah-buahan merah. Pada masa itu, saya hanya tahu bahawa ia adalah seekor burung Flowerpecker tetapi saya yakin tidak pernah melihatnya sebelum ini. Burung Spectacled Flowerpecker hinggap sekitar 2 hingga 3 minit sebelum terbang ke dahan lain 2 - 3 meter jarak dari dahan sebelumnya sebelum terbang lagi," ujarnya.



SATU spesies burung baharu, 'Spectacled Flowerpecker' ditemui di Taman Negara Ulu Temburong, Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai lokasi sebenar penemuan burung tersebut, jelasnya, Spectacled Flowerpecker telah dilihat memakan tumbuhan *Melastoma* (tumbuhan dari keluarga 'kuduk-kuduk') di atas pokok dekat menara kanopi Ulu Temburong tidak jauh dari Pusat Kajian Luar Kuala Belalong (KBFSC), dan Ulu-Ulu Resort.

Ke muka 23

Berusaha tingkatkan kapasiti, profesionalisme pegawai

Dari muka 1

Para pegawai dan rakan-rakan sebaya mereka itu, menurut Yang Berhormat, adalah generasi baharu negara ini dan perlu terus menjalin rangkaian kerja, *networking* yang kukuh sebagai satu pasukan yang berperanan sama untuk kebaikan rakyat, negara dan kerajaan pada masa hadapan.

Yang Berhormat menambah, negara kita Brunei ini sangat bertuah kerana di bawah kepimpinan pemerintahan beraja, ehwal agama diurus tadbir dalam *main stream* perkhidmatan kerajaan.

Kerana itu pula jelas Yang Berhormat, ajaran agama telah dapat berkembang dan dihayati, sesuai dan serasi dengan iklim politik dan sosiobudaya Brunei, serta hasilnya ialah agama dapat berfungsi dengan baik, menjadi tunjang keutuhan negara dan yang penting diingat bahawa negara selama ini telah menjadikan agama itu suluh dan pedoman pemerintahan yang baik dan berkesan.

Yang Berhormat percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat pada masa ini dan pada masa akan datang akan turut memastikan perkhidmatan ehwal agama sentiasa kukuh dan berkembang sebagaimana semestinya.

"Kerana itu dalam kesempatan ini, saya mengalu-alukan pandangan dan buah fikiran Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Tambahan pula Ahli-Ahli Yang Berhormat pada masa ini adalah merupakan satu kombinasi pelbagai latar belakang ilmu dan pengalaman. Dan

seterusnya dalam lantikan yang baharu sekarang terdapat Ahli-Ahli Yang Berhormat yang benar-benar mewakili generasinya pada masa ini," ujar Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat juga menaruh kepercayaan bahawa, Ahli-Ahli Yang Berhormat dari generasi muda yang baru dilantik akan sama berperanan melakar kaedah-kaedah yang betul dan tepat bagi kesempurnaan masa hadapan Brunei dengan corak dan acuan *imprevisive* kenegaraannya sebagai negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat demokratik bersendikan ajaran Islam Ahli Sunnah Waljamaah.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, sesungguhnya kita adalah mendapat penghormatan menduduki MMN dengan masing-masing menurut kategori lantikan, termasuk Yang Berhormat sebagai Ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Jelas Yang Berhormat lagi, penghormatan itu serentak dengan taklif atau *tasking* berupa tanggungjawab memegang amanah untuk menjayakan MMN yang diadakan semula itu dan kita 'mempunyai tanggungjawab untuk memartabatkan MMN sebagai institusi yang dihormati serta boleh berfungsi sebagai forum perbincangan yang betul-betul membina', iaitu sebagaimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam titah 13 tahun yang lalu semasa Istiadat Pembukaan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Sesi Muzakarah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2017. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Rasmi MMN pada hari Sabtu, 10 Syaaban 1425 Hijrah bersamaan 25 September 2004 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Yang Berhormat menambah, sekarang ternyata bahawa penubuhan semula MMN semenjak hampir 13 tahun itu adalah menepati hasrat baginda 'untuk mewujudkan struktur perundingan yang lebih formal'.

Penubuhan semula itu terang Yang Berhormat, ialah setelah baginda menilai keperluan dan kesesuaiannya dan dalam titah baginda menyatakan bahawa 'Kita sedia maklum, orang Brunei mempunyai cara mereka menyalurkan harapan dan masalah melalui pelbagai peringkat. Sudah barang tentu mereka akan

mengalu-alukan penubuhan semula MMN ini, yang penubuhannya menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan'.

"Maka Alhamdulillah dan dengan izin Allah serta dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, MMN telah menepati fungsinya, walaupun baru dalam usia kurang dari dua dekad. Ternyata bahawa fungsinya itu adalah serasi dengan cara kita di negara ini menyalurkan pendapat ataupun merespons kepada sebarang perkara dengan ikhlas dan cara yang terhormat bersopan santun. Tegasnya melalui MMN sekarang kita berunding. Kita bermuzakarah. Kita saling ingat-mengingati. Semuanya

demi kebaikan bersama kerajaan dan rakyat," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, dalam prosesnya kita akan sentiasa taat setia mendukung kepimpinan pemerintahan beraja dan kepimpinan pemerintahan yang telah berjaya memberikan kesejahteraan kepada rakyat dan kesentosaan kepada negara.

Dalam hubungan inilah tegas Yang Berhormat lagi, KHEU sangat menghargai Forum Muzakarah Pra-Persidangan MMN ini dan semoga maklumat yang diperolehi mengenai *core business* kementerian dan usaha-usaha menjayakkannya diharap akan membantu Ahli-Ahli Yang Berhormat memberikan *input* yang sangat berharga untuk sebarang perbaikan.

Kongsi maklumat perancangan strategik dan inisiatif kementerian

Oleh :

Nurafilabibah Mohd. Shafiee
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi bertukar-tukar fikiran dalam meningkatkan perkhidmatan agama dan syiar Islam di negara ini.

Hadir mempengerusikan Sesi Muzakarah yang berlangsung di Dewan Multaqa, Binaan Baharu KHEU ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Manakala bagi pihak Ahli-Ahli MMN pula diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu yang juga Penghulu Mukim Bokok Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran dalam ucapan balasnya menjelaskan, Sesi Permuzakarah

dengan KHEU ini adalah merupakan sesi yang pertama dalam beberapa sesi permuzakarah akan datang yang telah disusun di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dengan beberapa kementerian pada tahun ini.

Sebagaimana sesi pada tahun-tahun sebelumnya, jelasnya, sesi

perjumpaan berkenaan bertujuan untuk berkongsi maklumat, khususnya mengenai perancangan strategik dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian, khususnya KHEU.

Majlis Muzakarah kemudiannya diikuti dengan sesi taklimat mengenai

pengenalan, fungsi, perkembangan dan pencapaian KHEU yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Permuzakarah seterusnya diikuti dengan sesi dialog di antara Ahli-Ahli MMN dan KHEU.

Perjumpaan berkenaan adalah sebagai wadah bagi Ahli-Ahli MMN dan KHEU bermuzakarah serta mengongsi perkembangan aktiviti, dasar serta polisi kementerian yang terkini di samping menjalin dan membangun ikatan ukhuwah yang lebih erat di antara kedua-dua belah pihak.



KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (depan, tengah) semasa sesi bergambar ramai bersama Ahli-Ahli MMN.

Tingkat pergerakan dan mobiliti rakyat bagi pertumbuhan ekonomi negara



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (tengah) semasa hadir pada Sesi Muzakarah Kementerian Perhubungan bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2017.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Kementerian Perhubungan merangka beberapa hala tuju di bawah rancangan strategiknya bagi Tahun 2017 - 2022.

Meliputi penubuhan yang berfokus kepada pelanggan, mengukuhkan rangka kerja kawal selia mencapai keberkesanan dan keberkesanan kos dalam pengurusan, peningkatan infrastruktur perhubungan serta membudayakan aspek keselamatan, kesihatan dan penjagaan alam sekitar dalam pengurusan sistem perhubungan juga pengangkutan.

Menurut Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, rancangan strategik tersebut memberi

penekanan terhadap pendekatan berdasarkan pencapaian Kementerian Perhubungan dalam pemberian perkhidmatan khususnya dalam meningkatkan pergerakan dan mobiliti rakyat selaras dengan usaha untuk menyumbang pada pertumbuhan ekonomi negara.

Yang Berhormat berucap demikian pada Sesi Muzakarah Kementerian Perhubungan bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat AI-Mahabbah, Kementerian Perhubungan.

Dua perkara yang dipastikan adalah pergerakan ini mempunyai *connectivity*, iaitu destinasi yang bernilai dan *reliability* dalam

meningkatkan pergerakan manusia, barangan dan perkhidmatan.

Atas tujuan ini, Kementerian Perhubungan akan memberi tumpuan pada isu-isu keberkesanan sistem pengangkutan awam *connectivity* dan *reliability* dalam seluruh sektor perhubungan.

Dengan *connectivity* dan *reliability* ini, kepentingan dan sumbangan sektor perhubungan pada aktiviti ekonomi di negara ini akan menjadi lebih *substantive*.

Our contribution to economic development will be more substantive, dengan membuka ruang-ruang perniagaan dan menjana peluang pekerjaan dalam memudahkan cara rakyat juga penduduk untuk mencari pekerjaan dan rezeki.

Dalam memberi tumpuan khusus pada *connectivity* dan *reliability* ini, ia juga menekankan tanggungjawab serta obligasi kerajaan untuk

menyediakan infrastruktur dan sistem pengangkutan yang cekap serta berkesan demi pergerakan manusia, maklumat juga barangan yang akan menjadi sistem dukungan pada mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

InsyaaAllah perkara ini akan kita bincangkan dengan lebih lanjut mengenai apa sasaran dan matlamat yang dicapai, iaitu dengan pendekatan berasaskan *performance based* serta bukannya memberi perkhidmatan sahaja dan setiap sasaran juga matlamat tersebut memberikan *benchmark*.

Di sinilah istilah penyediaan sebuah sistem pengangkutan dan perhubungan oleh pihak kerajaan sebagai fardu kifayah / satu kewajipan bagi Kementerian Perhubungan kerana

pentingnya sistem ini kepada pembangunan sesebuah negara. Kebergantungan masyarakat kepada pergerakan manusia, maklumat dan barangan yang lancar adalah urat nadi pada kualiti kehidupan yang lebih baik.

Muzakarah dipengerusikan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang juga Penghulu Mukim Telisai, Tutong.

Perjumpaan tersebut menjadi platform atau landasan bagi Kementerian Perhubungan untuk memberikan penerangan ataupun pendekatan serta penjelasan, di samping mengongsikan inisiatif-inisiatif strategik yang disasarkan dan diselaraskan pada pembangunan negara khususnya dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Penanaman cerucuk dan pembinaan jeti di saluran Barat Pulau Muara Besar

Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn. Bhd.

MUARA, Selasa, 7 Februari. - Pahayt & Benteng J.V Sdn. Bhd. bagi pihak Hengyi Industries Sdn. Bhd. akan menjalankan aktiviti menanam cerucuk dan pembinaan (*piling and constructions*) Jeti 1 dan 2 di saluran Barat Pulau Muara Besar (PMB) yang berkuat kuasa serta-merta sehingga 30 Disember 2017.

Jadual kerja harian akan dijalankan antara jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam termasuk hari Sabtu dan Ahad.

Pembinaan dan aktiviti penanaman cerucuk akan melibatkan enam tongkang, kren dan bot tunda dalam jumlah yang ditempatkan di persekitaran saluran Barat PMB pada setiap masa.

Aktiviti pembinaan termasuk penanaman cerucuk sehingga 180 meter dari pantai Barat PMB. Sempadan di sepanjang pinggir kawasan pembinaan akan ditandakan dengan jelas oleh pelampung kuning dengan lampu berkelip kuning (lihat peta lokasi) untuk navigasi selamat semasa siang dan malam.

Semua kapal dan bot yang beroperasi di kawasan saluran Barat PMB dengan tegas dinasihatkan untuk menjauhi kawasan-kawasan ini pada setiap masa sepanjang tempoh ini.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti pembinaan, sila hubungi Hengyi Industries Sdn. Bhd. melalui talian +673 2610210.



AKTIVITI menanam cerucuk dan pembinaan (*piling and constructions*) Jeti 1 dan 2 di saluran Barat Pulau Muara Besar (PMB) yang berkuat kuasa serta-merta sehingga 30 Disember 2017.



SUASANA Sesi Muzakarah Kementerian Perhubungan bersama Ahli-Ahli MMN bagi Tahun 2017 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat AI-Mahabbah, Kementerian Perhubungan.



YANG Berhormat Menteri Perhubungan semasa bergambar ramai bersama Ahli-Ahli MMN pada Sesi Muzakarah Kementerian Perhubungan bersama Ahli-Ahli MMN bagi Tahun 2017.

Penguatkuasaan undang-undang persaingan wujudkan ekonomi efisien dan produktif



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Dayang Hajah May Faezah binti Haji Ahmad Ariffin (depan, lima dari kanan) ketika bergambar ramai pada Bengkel 'Competition Economics in Practice' yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Selasa, 7 Februari. - Pencegahan amalan-amalan anti persaingan seperti kartel atau penyalahgunaan posisi dominan mendorong para pengusaha untuk menjadi lebih efisien dan berinovasi serta meningkatkan pilihan pengguna dan kualiti produk.

Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dr. Dayang Hajah May Faezah binti Haji Ahmad Ariffin berkata, di samping menjana kemajuan ekonomi, persaingan juga memainkan peranan penting di dalam mendukung peningkatan kebajikan pengguna.

"Pada masa ini, sebanyak sembilan

ahli ASEAN telah mempunyai undang-undang persaingan termasuk Negara Brunei Darussalam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan semasa melancarkan Bengkel 'Competition Economics in Practice' yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Terdahulu, beliau menekankan mengenai kepentingan hubung sama di antara persaingan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan hasil dari peningkatan produktiviti, yang mana keperluan bagi perkara tersebut telah banyak diketengahkan di negara ini dalam mencapai Wawasan 2035.

Menurutnya, hubung sama di antara persaingan dan produktiviti telah pun dibuktikan oleh negara-negara yang sudah melaksanakan undang-undang persaingan.

Dr. Dayang Hajah May Faezah juga menerangkan bahawa salah satu objektif utama penguatkuasaan undang-undang persaingan adalah bagi mewujudkan ekonomi yang efisien dan produktif khususnya bagi sektor-sektor sasaran utama dan seterusnya menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang pesat.

"Perkara ini mungkin mempunyai impak yang besar terhadap kos pengeluaran dan seterusnya menjadikan negara lebih berdaya saing, yang mana ia merupakan penarik penentu utama pelaburan asing dan menggalakkan pertumbuhan perniagaan domestik," ujarnya.

Pada bengkel tersebut juga,

taklimat mengenai pengenalan bengkel telah disampaikan oleh Jennifer Orr dari Australian Competition and Consumer Commission (ACCC).

Dalam pada itu, tema 'Competition Economics in Practice' yang dipilih oleh ahli-ahli ASEAN memberi fokus terhadap konsep ekonomi di dalam penguatkuasaan undang-undang persaingan.

Ini termasuk pendekatan praktikal seperti melihat pada kajian kes, pengalaman dan perspektif pakar-pakar persaingan dari ACCC dan New Zealand Commerce Commission (NZCC) serta agensi-agensi persaingan serta bagi membantu peserta memahami dengan lebih mendalam mengenai aplikasi teori yang dibincangkan.

Bengkel khususnya melihat pada

penggunaan konsep dan analisa ekonomi yang berkaitan dengan larangan-larangan utama di dalam undang-undang persaingan seperti kartel, tipuan bida, penyalahgunaan kedudukan dominan dan penggabungan anti persaingan.

Bengkel selama tiga hari itu bermula hari ini, melibatkan seramai 30 orang pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi Kerajaan Brunei Darussalam dan agensi-agensi persaingan serantau dan dianjurkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi melalui Bahagian Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, JPM dengan kerjasama ACCC, NZCC dan Sekretariat ASEAN serta disokong oleh ASEAN - Australia - New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) Competition Law Implementation Program (CLIP).

Pembarigaaan mengenai ASEAN dikongsikan



PENGETUA Sekolah Menengah Lambak Kiri, Dayang Hajah Sharifah binti Haji Matsawali (kiri) semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.

Oleh : Khartini Hamir, Nurafilabibah Mohd. Shafiee
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Selasa, 7 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN - COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri.

Jerayawara tersebut dihadiri oleh Pengetua Sekolah Menengah Lambak Kiri, Dayang Hajah Sharifah binti Haji

Matsawali dan dari kalangan guru-guru serta lebih daripada 150 orang penuntut dari Tahun 7, Tahun 8 dan Tahun 9 sekolah berkenaan.

Ia dihasrat untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN serta peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Selain itu, ia bertujuan untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan penting dalam memangkinkan hala tuju negara ini.

Taklimat ini juga dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.

Pada sesi jerayawara itu juga diadakan Kuiz ASEAN, yang mana 10 penuntut yang berjaya menjawab soalan kuiz tersebut menerima hadiah masing-masing yang disampaikan oleh pengetua sekolah berkenaan.

Program adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi serta tujuan ASEAN ditubuhkan dan dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan hubungan di antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

HALUAN

Dasar Pendidikan Inklusif komited dilaksanakan

Dari muka 2

Saya juga bersyukur dan gembira apabila dimaklumkan lebih daripada 230 orang pelajar berkeperluan khas dari lepasan Program Pra-Vokasional telah dapat pekerjaan, seperti pembantu pejabat, pembantu restoran, perhotelan, *house keeping*, pekebunan dan kedai runcit dan lain-lain. Saya turut berharap dan mendoakan setiap pelajar yang telah menamatkan program ini akan beroleh kejayaan dan menjalani kehidupan ini dengan keyakinan bahawa mereka juga boleh mencapai kejayaan sebagaimana juga insan yang lain.

Seterusnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua institusi kerajaan dan swasta serta syarikat dan pihak persendirian yang terlibat dan membantu dalam program penempatan kerja bagi pelajar-pelajar Program Pra-Vokasional Tahun 10 dan 11. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengeratkan dan meluaskan jaringan kerjasama / *partnership* dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta serta syarikat-syarikat yang berkenaan untuk memudahkan proses penempatan kerja bagi pelajar-pelajar berkenaan mereka bagi mendedahkan serta membekalkan para pelajar dengan kemahiran kerja sambil meningkatkan keyakinan diri masing-masing.

Akhirnya, saya sukacita sekali lagi menyarankan kepada pelajar-pelajar lepasan Program Pra-Vokasional untuk terus berusaha dan berikhtisar supaya menjadi seorang dewasa yang berjaya, berguna, berdisiplin serta dapat menyumbang kepada kemajuan dan ekonomi negara. Harapan ini adalah selaras dengan Wawasan Negara 2035 yang berhasrat untuk mempunyai rakyat dan penduduk yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun serta mempunyai kualiti hidup yang tinggi.

Sekian.

Pemenang Minda Pembaca!



Alam sekitar bersih tarikan pelancong

ALAM sekitar adalah anugerah Tuhan kepada kita. Alam sekitar yang terpelihara akan dapat mendamaikan jiwa kita. Persekitaran bersih dan indah sesuai dijadikan tempat tinggal dan akan dapat menarik kedatangan ramai pelancong.

Persekitaran yang bersih membolehkan kita menyedut udara yang segar. Udara yang bersih merupakan nikmat yang sangat bernilai kepada kehidupan manusia. Kawasan yang segar dan bersih lazimnya dipenuhi dengan tumbuhan menghijau. Tumbuh-tumbuhan

membebaskan oksigen ke udara dan membolehkan badan kita mendapat bekalan oksigen secukupnya.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Hutan Hijau Asia Pasifik Ke-2 pada 3 hingga 5 Ogos 2016 lalu yang disokong oleh Kerajaan Australia dengan penglibatan rakan kongsi dan sains CIFOR. Persidangan selama tiga hari itu dirasmikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong. Sidang Kemuncak Hutan Hujan Asia Pasifik 2016 merupakan yang kedua

seumpamanya berikutan kejayaan pada tahun 2014 yang diadakan di Sydney, Australia menghasilkan kepada pembentukan Perkongsian Hutan Hujan Asia Pasifik.

Oleh yang demikian, segala usaha untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan alam sekitar perlu terus dilakukan oleh pelbagai pihak di rantau ini dengan memberikan kesedaran dan keterlibatan orang ramai dalam sama-sama memelihara alam sekitar. Pemuliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Dengan berlangsungnya Sidang Kemuncak Hutan Hujan Asia Pasifik Ke-2 ini akan berjaya mencapai objektifnya untuk membina momentum politik bagi pengurusan hutan dan landskap di Asia Pasifik agar dapat mengimbangi pembangunan ekonomi dan sosial serta persekitaran, di samping dapat membuka

peluang untuk meneroka kepelbagaian ekonomi bagi persekitaran sensitif termasuk ekopelancongan dan perdagangan aset biodiversiti.

Dengan adanya sidang kemuncak tersebut juga akan dapat meningkatkan reputasi Negara Brunei Darussalam di arena antarabangsa dan dapat memperlihatkan dasar perhutanan Brunei serta kemahiran dalam mengawal alam sekitar, menyusun aktiviti ekopelancongan untuk para delegasi serta menghubungkan pengendali ekopelancongan dengan pelanggan dan pelabur yang berpotensi.

Nama: Nur Siti Afifah binti Haji Sharbini
No. K/P : 01-107133 (K)
Alamat : No.51, Simpang 44, Jalan Parak, RPN Kampung Panaga Seria KB4533, Negara Brunei Darussalam

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Terapkan Semangat Patriotisme Dalam Diri Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 8 Februari 2017
2. 'Peranan Ibu Bapa Mewujudkan Masyarakat Penyayang'. Tarikh Tutup : 15 Februari 2017
3. 'Berkhidmat Pada Tanah, Pasti Akan Mendapat Hasilnya'. Tarikh Tutup : 22 Februari 2017

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam.
 atau melalui
 E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Pasar kurnia tingkatkan ekonomi rakyat



DAYANG Hurul'ain binti Rabaha (kanan) dan Dayangku Rozita binti Pengiran Dato Haji Kamaluddin (kiri) semasa ditemu bual Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Perniagaan pasar malam merupakan pendedahan awal terbaik dalam selok-belok perniagaan.

Dengan memerlukan modal yang rendah, ia mudah dimulakan dan menjanjikan pendapatan yang stabil serta lumayan bergantung kepada produk jualan masing-masing.

Pasar Pelbagai Barangan Gadong dahulu dikenali sebagai Pasar Gadong telah mula digunakan oleh peniaga-peniaga berdaftar pada Khamis, 5 Jamadilawal 1438

Hijrah bersamaan 2 Februari 2017 Masihi lalu.

Sejak perasmian pasar malam baharu itu, orang ramai tidak putus-putus berkunjung ke pasar tersebut untuk membeli pelbagai jenis makanan, minuman, buah-buahan, sayur-sayuran pakaian serta pelbagai jualan lainnya.

Dayang Siti Nur Amrina Basyirah binti Haji Alikhanafiah, penjaja Petak B13 ketika ditemui berkata, sambutan orang ramai ke atas jualan makanan seperti kuih-muih, nasi lemak, nasi

katok dan sebagainya adalah sangat memberangsangkan.

"Jualan kami pada setiap malam Alhamdulillah, habis. Kami selaku penjaja setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia pemberian tempat perniagaan dan berdo'a ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar baginda dilanjutkan usia, sihat dan kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana.

Sememangnya, tempat ini jauh lebih selesa berbanding dahulu. Kedua-dua pihak, iaitu para penjaja dan pengunjung sama-sama menikmati keselesaan serta kemudahan yang baginda sediakan selain kadar sewa bulanan yang murah," ujarnya.

Sementara itu, Dayang Hurul'ain binti Rabaha, seorang pengunjung berkata, beliau memang datang berkunjung ke pasar ini setiap hari kerana menolong ahli keluarga beliau yang merupakan penjaja bagi Petak A25, iaitu Dayangku Rozita binti Pengiran Dato Haji Kamaluddin.

Menurut mereka, kemudahan dan peluang-peluang yang ada seharusnya dimanfaatkan dan diusahakan oleh peniaga yang terdiri dari anak tempatan sendiri dan bukannya orang lain.

"Peniaga-peniaga dan pengunjung-pengunjung harus

sama-sama berganding bahu dalam menjaga kebersihan dan memelihara kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan baik dan sempurna bagi kepentingan bersama.

Kami amat bersyukur di atas kurnia pemberian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga baginda dan kerabat diraja yang lainnya sentiasa dalam lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala," ujar mereka.

Bangunan Pasar Pelbagai Barangan Gadong mempunyai keluasan 5,979.00 meter per segi dan 64,290.00 kaki persegi mula dibina pada 9 November 2016 dan siap pada 23 Disember 2016.

Sebanyak 150 petak disediakan mengikut kategori iaitu salai-menyalai sebanyak 16 petak,



DAYANG Siti Nur Amrina Basyirah binti Haji Alikhanafiah, penjaja di Petak B13.

masak-memasak 81 petak, manakala sebanyak 39 petak bagi kategori sayur dan buah-buahan.

"PENIAGA-PENIAGA dan pengunjung-pengunjung harus sama-sama berganding bahu dalam menjaga kebersihan dan memelihara kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan baik dan sempurna bagi kepentingan bersama."

Kumpulan Gema Suara Merdeka juara

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Kumpulan Gema Suara Merdeka dari Mukim Sengkurong dengan lagu 'Brunei Bumi Bertuah' muncul johan pada Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Naib johan disandang oleh Kumpulan Pemata Nilam dari Mukim Berakas 'A' dengan lagu 'Purih Bangsa', manakala Kumpulan Koir Berakas 'B' yang membawa lagu 'Tanah Airku' mendapat tempat ketiga.

Sebanyak tujuh kumpulan menyertai pertandingan yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, di sini.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu

kehormat majlis, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Ali bin Matyassin.

Terdahulu, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata, objektif pertandingan tersebut antara lain adalah untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan penduduk mukim dan menjadi platform bagi penyanyi berkumpul untuk terus berkarya, di samping dapat mengisi ruang serta peluang dalam program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan.

Selain itu, jelasnya, ia juga bertujuan bagi memupuk semangat berdaya saing dan patriotik melalui lagu-lagu yang dipertandingkan serta meningkatkan kesedaran bernegara melalui penghayatan berbentuk hiburan yang terampil.

"InsyaaAllah, bakat-bakat yang kita peroleh pada pertandingan ini nanti akan dapat diketengahkan dalam pelbagai cabang seni nyanyian, lakonan, tarian dan pengacaraan," ujar beliau.

Beliau turut memberitahu, setiap

juara Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik bagi setiap daerah pada tahun ini akan membuat persembahan pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017 yang akan diadakan pada 16 Februari nanti serentak di keempat daerah.

"Johan juga akan diberi peluang membuat video klip dan akan ditayang di Radio Televisyen Brunei dalam rancangan televisyen Teleton Hari Kebangsaan yang akan disiarkan pada 23 Februari 2017," katanya.

Menurutnya, Jabatan Penerangan akan terus merangka pelbagai strategi untuk sama-sama membarigakan hari-hari kebesaran negara dan akan terus menanam semangat patriotik bagi semua peringkat masyarakat.

"Untuk itu, Jabatan Penerangan akan terus berperanan ke arah ini dan insyaaAllah, pertandingan koir ini akan terus diadakan pada masa akan datang," jelas beliau.

Majlis juga diserikan dengan persembahan koir jempunan dengan lagu bertajuk 'Generasi Berwawasan' dari Kumpulan Koir Sekolah Rendah



PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Ali bin Matyassin (tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong.

Penghulu Mukim Sengkurong, Awang Haji Musa bin Haji Tahir ketika ditemui berkata, beliau amat menggalakkan penglibatan anak-anak buah kampungnya terutama para belia dan penuntut sekolah yang mempunyai kebolehan untuk menyertai pertandingan tersebut serta acara-acara kenegaraan yang lain kerana mereka merupakan generasi pelapis negara.

Sementara itu, Jurulatih Kumpulan

Gema Suara Merdeka, Pengiran Haji Mohd. Shahremi bin Pengiran Haji Md. Salleh berkata, penghayatan pada lagu yang dinyanyikan merupakan kekuatan utama kumpulan itu dalam memenangi pertandingan berkenaan.

"Selain itu, Mukim Sengkurong juga dikenali dengan penduduk dari berbilang kaum dan agama, di mana saya sengaja melibatkan kepelbagaian tersebut di dalam lagu itu," katanya kepada Pelita Brunei.

Para hakim pertandingan tersebut terdiri daripada Ketua Unit Orkestra Radio Televisyen Brunei, Awang Eddy Misuari bin Awang Zaini dan Pemangku Pengarah Pencaragam Pasuka Polis Diraja Brunei, Pengiran Shaiful Rezal Malik Faesal bin Pengiran Haji Marali.

Turut hadir ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, iaitu Penghulu Mukim Berakas 'B', Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon dan Penghulu Mukim Kota Batu selaku Pemangku Ketua Kampung Serasa / Rancangan Perumahan Negara Serasa serta Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun juga Pelumpang, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.



PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Ali menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan dan seterusnya bergambar ramai.

Kumpulan Wardah, Mukim Belait johan pertandingan koir lagu-lagu patriotik



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman menyampaikan hadiah kepada johan pertandingan, iaitu Kumpulan Koir Wardah, Mukim Belait dengan tajuk lagu 'Tanah Airku'.

KUALA BELAIT, Selasa, 7 Februari. - Jabatan Penerangan akan terus merangka berbagai strategi untuk sama-sama membarigakan hari-hari kebesaran negara dan akan terus menanam semangat patriotik bagi semua peringkat masyarakat.

Shubungan itu, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait telah menganjurkan Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Kampung Pandan, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman yang juga menyampaikan hadiah kepada peserta pertandingan.

Pada majlis itu, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Pengerusi Majlis Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara

Mukim-Mukim Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017 bagi Daerah Belait, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar berkata, dalam ucapan alu-aluannya menyatakan antara objektif pertandingan adalah untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan penduduk mukim dan kampung.

Ia juga dihasrat sebagai platform bagi penyanyi berkumpul terus berkarya, di samping dapat mengisi ruang dan peluang dalam program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan bagi memupuk semangat berdaya saing dan patriotik melalui lagu-lagu yang dipertandingkan dan meningkatkan kesedaran bernegara melalui penghayatan berbentuk hiburan yang terampil.

Pertandingan yang diadakan buat kali kedua itu diharap akan dapat menjadi platform atau landasan dalam

mencungkil dan menggilap bakat dalam kalangan penduduk.

Pada pertandingan itu, Kumpulan Koir Wardah, Mukim Belait dengan tajuk lagu 'Tanah Airku' muncul juara dan berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500 dan sijil penyertaan.

Naib johan disandang oleh Kumpulan Koir Esjaves, Mukim Kuala Belait, yang membawa wang tunai BND1,300 dan sijil penyertaan, sementara pemenang ketiga disandang oleh Kumpulan Koir Putera Puteri Jefri Bolkih dengan tajuk lagu 'Brunei Bumi Bertuah' yang membawa pulang wang tunai BND1,000 dan sijil penyertaan.

Manakala tiga kumpulan pemenang hadiah saguhati masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai BND500 berserta sijil penyertaan.

Persembahan koir jempunan dari Kumpulan Koir Sekolah Saint John Kuala Belait turut menyeronokkan lagi acara pada hari itu.

Para hakim pertandingan terdiri

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

daripada Ketua Unit Orkestra Radio Televisyen Brunei, Awang Eddy Misuari bin Awang Zaini dan Pemangku Pengarah Pencaragam, Pasuka Polis Diraja Brunei, Pengiran Shaiful Rezal Malik Faesal bin Pengiran Haji Marali. Penghakiman dinilai dari sudut suara, tempo, persembahan, kreativiti dan harmoni kumpulan koir.

Kumpulan-kumpulan koir boleh digunakan bagi acara-acara kenegaraan yang diumumkan oleh mana-mana Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) serta jabatan juga kementerian kerajaan.

Pertandingan turut diadakan di ketiga-tiga daerah, iaitu bermula kelmarin pada Isnin, 6 Februari 2017

bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Daerah Brunei dan Muara; pada Rabu, 8 Februari 2017 bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong; dan pada Sabtu, 11 Februari 2017 bertempat di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Daerah Temburong.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, selaku Penghulu Mukim Liang dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, selaku Ketua Kampung Labi I.

Dua buah kereta terlibat dalam kemalangan

Siaran Akhbar : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 1.07 petang berkenaan dengan kemalangan yang melibatkan dua buah kereta berdekatan Pusingan 'U' di kawasan Rancangan Perumahan Negara Tanah Jambu, Lebuhraya Muara Tutong.

Menurut Siaran Akhbar JBP, dua buah jentera dari Balai Bomba Lambak Kanan yang terdiri daripada 11 anggota diketuai oleh Pegawai Bomba, DSO Md. Nor bin Haji Ahad telah dikerahkan ke tempat kejadian.

Kemalangan melibatkan Toyota Vios berwarna Maroon dan pickup jenis Isuzu berwarna biru.

Pemandu Toyota Vios, seorang lelaki berbangsa Melayu berada dalam keadaan tidak sedarkan diri dalam kereta. Mangsa berjaya dikeluarkan oleh anggota bomba menggunakan *spinal board* milik pihak medik dalam masa tiga minit.

Mangsa terus dibawa ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menggunakan ambulans dan mangsa dilaporkan mendapat kecederaan pada bahagian dada dan perut.

Sementara pemandu kereta pickup, iaitu seorang lelaki berbangsa Filipina tidak mendapat sebarang kecederaan.

Kelebihan meluangkan lebih masa berzikir dan berdoa setelah selesai sembahyang

KELUARAN KEDUA

Kelebihan Duduk Menanti Di Dalam Masjid

S EORANG yang telah memenuhi tuntutan melakukan perkara-perkara yang sunat selepas sembahyang, seperti berzikir, berdoa, mendahulukan imam beredar sebelum makmum beredar atau melakukan sembahyang sunat, sudah tentunya mendapat kelebihan pahala. Namun bagaimana pula hukumnya jika selepas melakukan perkara-perkara di atas dia masih mahu meluangkan masa untuk duduk lebih lama lagi di dalam surau atau masjid?

Menurut *syarak* seorang yang duduk dalam masjid dalam keadaan tidak berhad dengan tujuan untuk melaksanakan ibadat, beriktikaf, membaca Al-Quran, mengajar ilmu, menuntut atau mempelajari ilmu, mendengar nasihat dan ceramah, kerana menunggu waktu sembahyang (yang berikutnya) dan seumpamanya adalah dihukumkan sunat (*mustahabb*). Bagaimanapun, sekiranya seseorang itu duduk di dalam masjid bukan disebabkan oleh perkara-perkara yang disebutkan, maka hukumnya adalah tetap diharuskan.

Anjuran dan ganjaran pahala seseorang yang duduk di masjid menunggu waktu sembahyang berikutnya untuk melakukan sembahyang secara berjemaah adalah berdasarkan hadis Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Maksudnya : "Para malaikat memohonkan keampunan ke atas setiap daripada kamu selama mana (dia) tetap (duduk) di tempat sembahyangnya (di dalam masjid), selama mana dia tidak berhad." (Para malaikat berkata) : "Ya Allah, ampunkanlah baginya (dosanya), Ya Allah, rahmatilah dia."

"Sentiasalah (dikira) seseorang daripada kamu (memperolehi ganjaran pahala) sembahyang selama mana (dia masih menunggu) sembahyang dan tiada (suatu perkara) yang (boleh) menghalangnya untuk pulang (beredar) kepada keluarganya melainkan sembahyang."

(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menjelaskan bahawa sesiapa

yang duduk di dalam masjid dan dalam keadaan suci (tidak berhad) kerana menunggu untuk sembahyang berjemaah (atau waktu sembahyang berikutnya), antara kelebihan ialah para malaikat sentiasa mendoakannya dengan keampunan dan rahmat. Selain itu, sepanjang masa dia berada di dalam masjid, dia diberikan ganjaran pahala secara berterusan (sepanjang masa) umpama ganjaran pahala orang yang mengerjakan sembahyang. Bagaimanapun, sekiranya dia mengubah niatnya atau mengongsikan (menyatukan) niatnya duduk menanti dalam masjid itu bersama perkara-perkara lain, maka terputuslah ganjaran pahala, iaitu pahala umpama mengerjakan sembahyang, seperti yang disebutkan dalam hadis di atas.

Menurut Ibnu Baththal, sungguhpun perkara yang dituntut di dalam hadis ketika duduk di dalam masjid ialah dalam keadaan suci daripada hadas (*qubul* dan *dubur*), akan tetapi Ibnu Baththal juga mengertikannya daripada sudut yang lebih utama, iaitu suci daripada keburukan tangan dan lidah dengan menjauhkan diri serta menjaga lidah daripada perbuatan dan percakapan yang tidak baik.

Menurut Ibnu Baththal lagi sesiapa yang banyak dosanya dan mahu untuk mengurangkannya, maka gunakanlah dan rebutlah peluang ini, iaitu dengan cara hendaklah dia duduk di tempat sembahyangnya (dan tidak segera beredar) setelah selesai daripada sembahyang supaya dia memperoleh doa dan permohonan keampunan para malaikat bagi dirinya. Dalam masa yang sama, apa yang diharapkan ialah agar permohonan keampunan dan rahmat tersebut diterima dan dikabulkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* seperti dalam firman-Nya.

Tafsirnya : "... dan mereka tidak dapat memberi syafaat (pada hari kiamat) melainkan bagi sesiapa yang diredai Allah..." (Surah Al-Anbiya : 28)

Kelebihan Duduk Selepas Sembahyang Fardu Subuh

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah di dalam kitabnya *al-Adzkar*, mulia-mulia waktu berzikir pada siang hari ialah selepas Sembahyang Fardu Subuh.

Antara zikir yang dituntut dibaca selepas Sembahyang Fardu Subuh (Fajar) ialah bertahlil sebanyak 10 kali. Demikian juga pada Sembahyang Fardu Asar dan Maghrib kerana

telah warid hadis mengenainya, malahan pada kesemua sembahyang fardu. Tuntutan membacanya adalah sejurus selesai Sembahyang Fardu Subuh sebelum bergerak atau berpindah ke tempat lain malahan dalam keadaan dia masih duduk tahiyat akhir.

Menurut sebahagian Ulama Muta'akhkhirin, sesiapa yang selesai daripada Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan mahu berzikir sehingga terbit matahari, maka tidak disunatkan baginya berpindah. Dengan erti kata lain, hendaklah seseorang itu tetap duduk di tempat sembahyangnya berzikir mengingati Allah *Subhanahu Wata'ala* dan yang seumpamanya.

Dalil dalam perkara ini, telah sabit bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berterusan duduk di tempat sembahyang Baginda setelah selesai daripada Sembahyang Fardu Subuh sehinggalah terbit matahari kemudian Baginda mendirikan sembahyang dua rakaat.


Ganjaran bagi mereka yang duduk berzikir selepas Sembahyang Fardu Subuh sehingga terbit matahari adalah seperti melakukan satu haji dan satu umrah. Dalam sebuah riwayat daripada Anas *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesiapa yang Sembahyang Fajar (Subuh) Berjemaah kemudian dia duduk berzikir mengingati Allah sehingga terbit matahari, kemudian dia sembahyang dua rakaat (setelah terbit matahari) adalah baginya ganjaran seperti (mengerjakan) satu haji dan satu umrah."

Menurut Anas, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "(Baginya haji dan umrah yang) sempurna, sempurna, sempurna." (Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Selain itu, antara amalan sunat yang dianjurkan selepas Sembahyang Fardu Subuh, khususnya pada Subuh hari Jumaat, ialah disunatkan membaca Surah Al-Kahfi dan beberapa surah yang lain daripada Al-Quran. Disunatkan juga memperbanyakkan bacaan Surah Al-Kahfi pada malam Jumaat dan siang harinya paling kurang sebanyak tiga kali. Bagaimanapun, membaca Surah Al-Kahfi pada siang hari Jumaat adalah sangat dituntut dan waktu yang afdhal adalah pada waktu Subuh kerana cara ini bermaksud menyegerakan pelaksanaan amalan sunat dan menjaganya daripada diabaikan atau ditinggalkan.

Sebagai kesimpulan, selesai memberi salam dalam sembahyang, pastikanlah agar imam,



jemaah ataupun orang yang sembahyang secara bersendirian (*munfarid*) meluangkan masa untuk berterusan duduk di tempat sembahyangnya dan janganlah dia terburu-buru untuk beredar atau meninggalkan tempat sembahyangnya sekiranya tiada sebarang keuzuran. Ini kerana terdapat perkara-perkara yang disunatkan untuk dilakukan selepas sembahyang, antaranya ialah beristighfar, berzikir dan berdoa.

Setelah memenuhi tuntutan beristighfar, berzikir dan berdoa selepas sembahyang, sesiapa yang masih mahu meluangkan masanya untuk duduk lebih lama lagi di dalam masjid, maka masa yang dihabiskan di dalam masjid bukanlah sia-sia. Ini kerana menurut *syarak*, seseorang yang duduk menanti di dalam masjid dengan tujuan beriktikaf dalam masjid, kerana menunggu masuk waktu sembahyang yang berikutnya, melaksanakan ibadat lain seperti sembahyang dan membaca Al-Quran, mendapatkan atau mengajarkan ilmu dan seumpamanya, maka hukumnya adalah sunat dan sudah tententunya mempunyai kelebihan dan mendapat ganjaran pahala.

Perkara yang menjadi keutamaan ialah semasa tempoh berada di masjid hendaklah memastikan diri dalam keadaan suci (tidak berhad) sepertimana yang disebutkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Peluang untuk memperoleh kelebihan dan ganjaran daripada anjuran duduk lebih lama di masjid selepas sembahyang, lebih-lebih lagi selepas Sembahyang Fardu Subuh sehingga terbit matahari, perlu direbut dan tidak disia-siakan. Ini kerana ganjaran yang dijanjikan sepertimana dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah sangat hebat.

Budaya yang memesongkan akidah

M ENJELANG bulan Februari, budaya menjadikan Hari Valentine sebagai perayaan sering diraikan bersama kekasih terutamanya bagi golongan muda, yang jatuh pada tanggal 14 Februari. Ada yang mengirinkan kad ucapan, hadiah dan sebagainya.

Menyambut atau meraikan Hari Valentine ini adalah bertentangan dengan syarak. Ini adalah kerana perayaan seumpama ini boleh membawa ke arah kemaksiatan. Amalan ini adalah haram dan bertentangan dengan ajaran Islam. Antara sebabnya, ialah :

- Hari Valentine adalah perayaan yang berdasarkan kepada pesta jamuan bangsa Rom Kuno yang berubah menjadi acara keagamaan yang dikaitkan dengan kematian Saint Valentine sebagai simbol ketabahan, keberanian serta kepasrahan.

- Perayaan Hari Valentine bukan bersumber dari syariat Islam dan ia adalah bercanggah dan dilarang.

- Sambutan yang dicemari dengan pelbagai

maksiat, pergaulan bebas yang bukan mahram, zina, arak, dadah dan sebagainya menyumbang kepada keruntuhan akhlak dan meningkatnya gejala sosial.

Menurut Ken Sweiger, perkataan Valentine berasal dari bahasa Latin bermaksud Yang Maha Perkasa, Yang Maha Kuat, dan Yang Maha Kuasa, digunakan pada zaman Rom Kuno kepada Nimrod dan Lupercus, tuhan orang Romawi. Sedar atau tidak, jika seseorang meminta orang lain atau pasangannya menjadi *To be my Valentine?* Maka ia adalah suatu perbuatan yang bercanggah dengan akidah umat Islam dan dimurkai Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana ia telah meminta seseorang menjadi 'Yang Maha Kuasa' dan hal ini sama dengan usaha menghidupkan kembali semangat budaya pemujaan berhala.

Kita juga jangan lupa bahawa syaitan dan sekutunya telah berjanji kepada Allah *Subhanahu Wata'ala* untuk terus menyesatkan orang yang beriman. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah An-Nisa, ayat 119 yang tafsirnya :

"Dan demi sesungguhnya aku akan menyesatkan dan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan aku menyuruh mereka (mencacatkan binatang ternak) lalu mereka benar-benar membelah telinga-telinga binatang ternak itu dan akan menyuruh mereka (mengubah ciptaan Allah) lalu mereka benar-benar mengubahnya. Dan sesiapa yang menjadikan syaitan sebagai pelindung selain Allah, maka sesungguhnya rugilah dia dengan kerugian yang nyata."

Ingatlah bahawa agama Islam sangat mengambil berat dalam memperbetulkan pegangan akidah umatnya supaya pandangan dan sikap mereka menjadi lurus dan *tasawwur* mereka tentang sesuatu perkara menjadi jelas. Jangan kita mencontohi jahiliah yang menganggap persoalan akidah hanya sekadar mengemukakan identiti diri dan melahirkan perbuatan baik sahaja sedangkan hakikat iman ialah panduan antara keyakinan di hati tentang dasar-dasar akidah dengan melaksanakan perintah Allah *Subhanahu Wata'ala* dan meninggalkan tegahan-Nya. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Al-Hujurat, ayat 15 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya orang-orang yang (benar-benar) beriman itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu serta mereka berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar."

Ayat ini jelas mengisyaratkan bahawa kualiti iman boleh diukur dan dinilai melalui amalan



seharian. Banyak dan berkualitinya amal soleh seseorang itu, maka tinggilah kualiti iman yang dimiliki dan begitulah sebaliknya. Iman yang sebenarnya adalah penjana kekuatan dan kecemerlangan ummah.

"Dan jika engkau menuruti kebanyakan orang yang ada di muka bumi nescaya mereka akan menyesatkannya daripada jalan Allah. Mereka tidak mengikut melainkan sangkaan semata-mata dan mereka tidak lain hanyalah berdusta."

(Surah Al-An'am: 116)

Oleh itu, didiklah diri, perkasakan akidah dan jauhi dari meniru amalan atau budaya kaum musyrik. Tanam rasa cinta dan kasih sayang kepada Allah *Subhanahu Wata'ala* dan rasul-Nya serta mematuhi segala perintah dan larangan yang telah ditetapkan agar kehidupan kita diberkati dan diredai-Nya, jauhi aktiviti-aktiviti yang kurang sihat serta pergaulan bebas dan tinggalkan sambutan atau perayaan yang tiada dalam syariat Islam.

Semai semangat patriotisme dan nasionalisme penuntut

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Lebih 350 penuntut Tahun 7 dari Sekolah Menengah Arab Perempuan Katok (SMAPK) telah menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' bertempat di surau sekolah berkenaan.

Taklimat yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan itu disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar.

Beliau dalam taklimatnya, antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Beliau turut menjelaskan mengenai cara-cara penghapusan bendera Negara Brunei Darussalam dengan betul, yang mana ia hendaklah dihapuskan dengan cara dibakar dan abunya dibuang ke laut atau ditanam ke dalam tanah.

Sementara itu, ujar beliau, bagi

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Azmah Haji Ahad

penghapusan alat-alat pecah belah yang mengandungi Panji-Panji Kerajaan, ia hendaklah dipecahkan atau dihancurkan dan dibuang ke laut atau ditanam ke dalam tanah.

Sebelum taklimat berakhir, para penuntut berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.

Timbalan Pengetua Pentadbiran SMAPK, Dayang Hajah Rosnah binti Haji Mataha berharap agar program berkenaan akan dapat diadakan di sekolah berkenaan setiap tahun bagi memberi peluang kepada penuntut-penuntut baharu untuk mendalami

lagi makna bendera negara dan lagu kebangsaan.

"Setiap penuntut perlu mengetahui hal-hal sebegini terutama melalui taklimat yang disampaikan, di mana mereka dapat memberikan lebih perhatian," katanya kepada Pelita Brunei.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme para penuntut serta menghormati juga menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

"SETIAP penuntut perlu mengetahui hal-hal sebegini terutama melalui taklimat yang disampaikan, di mana mereka dapat memberikan lebih perhatian," katanya kepada Pelita Brunei.



TIMBALAN Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Arab Perempuan Katok (SMAPK), Dayang Hajah Rosnah binti Haji Mataha (kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz.



ANTARA penuntut Tahun 7 yang hadir pada Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di surau sekolah berkenaan.

Naik-kibarkan bendera negara

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



SALAH seorang penuntut cuba menjawab Kuiz Kenegaraan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Penuntut-penuntut diseru supaya mengambil berat mengenai aspek 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara', di samping mendalami bagaimana cara untuk menaikkan bendera di sekolah, institusi pendidikan dan di rumah-rumah.

Bukan setakat itu sahaja, mereka juga perlu menitikberatkannya dalam sekolah masing-masing dan menyampaikannya kepada guru-guru dan mengongsikannya kepada para penuntut yang lainnya.

Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli / Haji Ramli Bendera membuat seruan itu semasa ditemui Pelita Brunei pada Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di Dewan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA), di sini.

Beliau juga mengingatkan untuk

PROGRAM itu adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

membarigakan bendera negara, yang mana bendera besar akan mula dinaikkan dan dikibarkan pada 16 Februari ini.

Terdahulu, taklimat disampaikan oleh Awang Ali Termizzi yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain taklimat, para penuntut juga menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' seterusnya berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.

Taklimat anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan dan penyampaian cenderamata pada pihak sekolah.

Program itu adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Juga hadir, ialah Pengetua SMJA, Awang Haji Jumaata Sonadey bin Haji Mornie, timbalan-timbalan pengetua, guru-guru serta 193 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Jerayawara Negara Pintar TelBru diteruskan



ANTARA pelajar yang menyaksikan pameran Jerayawara Negara Pintar.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Selasa, 7 Februari. - Telekom Brunei Berhad (TelBru) meneruskan Jerayawara Negara Pintar sebagai sebahagian usaha berterusan syarikat berkenaan dalam mempromosikan mengenai kepentingan pembangunan ICT bagi perkembangan dan kemampanan ekonomi negara yang berlangsung di Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan, The Airport Mall, Berakas, di sini.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pelajaran, Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan, Dayang Nadirah binti Jambol yang antara lain memperkenalkan Komuniti Atas Talian Negara Pintar (SNOC) Brunei dan menggalakkan pelajar menyumbang idea mereka dan dalam masa yang sama memberi pendedahan pada kemungkinan-kemungkinan penyelesaian teknologi tidak terbatas.

Jerayawara kemudian diteruskan dengan taklimat-taklimat yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Pemasaran TelBru, Lim Ming Soon; Joey Heng, Kevip Yap dan Awang Izzan Zakaria.

Konsep Negara Pintar telah pun diguna pakai oleh kebanyakan negara-negara maju

dan membangun di seluruh dunia bagi bersama mencipta kehidupan masa hadapan yang lebih baik melalui penyelesaian kebolehan teknologi (*tech-enabled solution*) dengan penggunaan yang telah sedia atau berpotensi dalam pertanian, pengurusan kuasa, bantuan bencana dan penjagaan kesihatan ke arah menangani cabaran-cabaran bandar global.

Kemajuan bagi Negara Pintar ini turut memerlukan penyatuan usaha daripada pelbagai pihak berkepentingan terdiri dari sektor swasta hingga institusi-institusi pendidikan dan para penggubal dasar.

Sebagai sebahagian dari program kesedaran berterusan, TelBru juga akan membukakan pendaftaran kepada mereka yang berminat untuk menyertai 'Smart Nation Developer's Bootcamp' yang akan menyediakan pembelajaran asas *programming* bagi pembangunan pengesan Internet-of-Things (IoT) dan aplikasi-aplikasi mudah alih.

Sekolah-sekolah yang berminat untuk melibatkan diri dengan Jerayawara Negara Pintar TelBru dialu-alukan untuk menghubungi syarikat berkenaan di Ibu Pejabat TelBru di Kompleks Yayasan Haji Hassanal Bolkohia atau melalui platform-platform media sosial TelBru.

Tingkatkan kesejahteraan kanak-kanak melalui MKM

Oleh : Mahirah binti Haji Mohd Raduan Mahasiswi UBD ditempatkan di Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei



AMPUAN Mohd. Jalaluddin bin Ampuan Ali, salah seorang penuntut Tahun 11 dari Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong.

KURANG dari 20 tahun lagi, Negara Brunei Darussalam akan mencapai Wawasan Negara, iaitu Wawasan Brunei 2035 dan bagi merealisasikan matlamat tersebut, Brunei antara lainnya ingin melahirkan dan membentuk masyarakat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi; kualiti hidup dan ekonomi yang dinamik lagi mampan.

Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab semua pihak untuk sama-sama mendukung hasrat Wawasan Negara ini dengan melahirkan pelbagai inisiatif kemajuan yang meliputi aspek-aspek termasuk bidang keagamaan, pendidikan, perekonomian, sosial, keselamatan dan kesejahteraan.

Dalam usaha mencapai matlamat dan hasrat tersebut, salah satu badan bukan kerajaan (NGO) juga telah menyahut dan menyokong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengetengahkan dan menangani isu-isu berhubung dengan kemasyarakatan di negara ini. Salah satu pihak yang mengambil berat tentang isu kesejahteraan masyarakat ini ialah Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM).

PENUBUHAN MKM

MKM merupakan sebuah badan yang berdaftar secara berkanun di bawah Pendaftar Persatuan, bertarikh 2 Disember 2009, giat menjalankan pelbagai aktiviti kebajikan masyarakat di negara ini melalui objektif utama termasuk latihan, bimbingan, kempen kesedaran dan penyelidikan yang disasarkan pada kebajikan keluarga dan kanak-kanak, pemedulian warga emas, orang berkeperluan khas, perkembangan belia, kaji selidik serta keagamaan. Bagi mencapai visi (Membangun masyarakat sejahtera), selain menyalurkan bantuan dari segi kebajikan untuk keluarga

yang tidak berkemampuan, MKM juga membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk membeli peralatan sekolah selain melaksanakan beberapa projek dan forum bagi membantu kanak-kanak dalam meningkatkan kesejahteraan mereka. Ini juga jelas bahawa golongan muda terutama sekali kanak-kanak ini menjadi golongan yang penting dan bukan golongan yang wajar dipinggirkan kerana mereka adalah penyambung warisan generasi dan sebagai jentera penggerak pada masa yang akan datang.

Bagi mendukung hasrat tersebut, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Belia Kebangsaan bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah Berakas pada 21 Syaaban 1431 Hijrah bersamaan 2 Ogos 2010 Masihi bertitah, "Masa depan negara tidak syak lagi banyak bergantung kepada golongan belia. Kerana itu mereka perlu dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran, semangat jati diri serta akidah yang mantap. Beta melihat, golongan belia kita perlu dirancang, bagaimana untuk menjadikan mereka itu berjiwa besar dan bercita-cita tinggi bagi pembangunan sosial dan ekonomi yang berjaya."

MATLAMAT PEMBANGUNAN YANG MAMPAN

Bersesuaian dengan itu, Ahli-ahli MKM telah mengendalikan forum sehari bertema 'In Pursuit of Sustainable Development Goals (SDG) : Leave No Children Behind' yang telah diadakan pada 3 Februari 2017 di Starlodge Hotel Jerudong dengan tujuan memberi peluang kepada kanak-kanak dan golongan muda dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun bagi menyertai forum tersebut sesuai dengan objektif utama untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan kanak-kanak di negara ini mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Yang Di-Pertua MKM, Datin Paduka Hajah Intan binti Haji Mohd. Kassim semasa berucap dalam forum sehari tersebut antara lain menerangkan bahawa matlamat SDG, telah diperakui sebagai agenda kemanusiaan secara global yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan, mencapai kesetaraan jantina dan memastikan sekuriti makanan dunia sebelum mencapai tahun 2030. Secara keseluruhan, terdapat 17 matlamat yang akan memandu pembangunan untuk 13 tahun yang akan datang dari segi aspek-aspek kepentingan kemanusiaan yang dianggap kritikal di seluruh dunia.

Beliau menambah, adapun usaha SDG, ialah mencapai aspirasi kemanusiaan ke arah keamanan, kemakmuran dan masa depan yang mampan tanpa ada pengecualian seseorang



PESERTA-PESERTA forum terdiri daripada penuntut sekolah (atas dan bawah).

tanpa menyisihkan mana-mana pihak.

Menurut beliau lagi, forum yang diadakan berpandukan dengan isu-isu dari pertubuhan UNICEF yang berkaitan dengan kesejahteraan kanak-kanak ini akan memberi pengalaman dan faedah khususnya kepada kanak-kanak atau golongan muda untuk menyumbang kepada masyarakat secara berterusan.

Salah satu topik forum yang diketengahkan oleh para peserta yang terdiri daripada penuntut sekolah, antara lainnya menyentuh tentang pekerjaan yang baik dan peningkatan ekonomi. Mereka telah membincangkan aspek kepentingan untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang baik kerana dengan itu pada hemat mereka, ia akan dapat menjana pendapatan yang kukuh selain dapat menampung perbelanjaan harian terutama bagi mereka yang berkeluarga, di samping dapat menyumbang pada pengukuhan ekonomi negara.

Selain itu, mereka turut mengetengahkan isu kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang baik pada masa kini disebabkan faktor-faktor seperti pencapaian akademik yang tidak mencukupi, terciricir dan gagal dalam akademik, terlalu memilih pekerjaan dan kelayakan tidak selari atau sepadan dengan pekerjaan yang dipilih. Menurut mereka, pembangunan pusat pekerjaan memainkan peranan penting menyediakan lebih banyak Rangkaian Sosial Antarabangsa atau 'International Social Networking', bagi memudahkan orang ramai terutama golongan muda mendapat peluang pekerjaan yang baik. Menyentuh mengenai matlamat kanak-kanak ke arah pendidikan yang berkualiti, mereka juga berpendapat bahawa adalah perlu bagi kanak-kanak itu untuk mendapatkan keperluan buku-buku teks yang berkualiti, kemudahan pembelajaran yang berkualiti sekali gus dapat memberikan ruang untuk perkembangan buah fikiran yang bermanfaat, serta penyelidikan juga perlu dibuat secara berterusan untuk mencapai matlamat pendidikan yang berkualiti serta membuka peluang bagi pelajar untuk bersuara agar pendapat mereka dapat didengar dan diambil perhatian.

SAMBUTAN MENGGALAKKAN

Naib Yang Di-Pertua MKM, Dayang Norjudy binti Abdullah melahirkan rasa syukur kerana usaha-usaha ini telah menerima sambutan yang menggalakkan dari sekolah-sekolah peringkat menengah di keempat-empat daerah di negara ini khususnya guru-guru dan penuntut-penuntut sekolah yang berasa teruja dan sangat mengalu-alukan forum seperti ini dapat diadakan pada masa akan datang. Bukan itu sahaja malah MKM juga menerima permintaan dari sekolah-sekolah untuk mengadakan ceramah motivasi dan aktiviti sedemikian di sekolah mereka.

Sejajar dengan tema forum tersebut, iaitu 'Leave No Children Behind' yang berhasrat untuk mendengarkan suara atau pendapat kanak-kanak atau golongan muda ini memandangkan mereka adalah sebagai aset yang perlu digilap potensi mereka.

Dayang Norjudy berpendapat, dengan langkah ini sekali gus akan dapat melatih kanak-kanak untuk memberi pandangan dan tampil lebih yakin untuk berani bercakap di depan khalayak ramai dalam menyumbangkan buah fikiran yang baharu dan berbeza berkaitan dengan permasalahan atau isu-isu yang dihadapi oleh kanak-kanak di seluruh dunia terutama sekali di Negara Brunei Darussalam.

Bagi Ampuan Mohd. Jalaluddin bin Ampuan Ali, salah seorang penuntut Tahun 11 dari Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong berkata bahawa melalui forum seperti ini dapat menggunakan peluang untuk berkongsi pendapat terutama sekali mengenai salah satu isu yang dibangkitkan pada forum tersebut, iaitu cara untuk menangani masalah kemiskinan kerana pada hematnya orang susah wajar mendapat perhatian.

Oleh yang demikian, beliau menggunakan kesempatan ini untuk turut sama-sama memberikan buah fikiran dalam mencapai matlamat dan mencari jalan penyelesaian dalam menangani isu-isu berhubung kait dengan isu kemiskinan.

Justeru itu, ujar beliau, forum seumpama ini juga dapat memberikan manfaat kepada semua pihak terutama sekali kanak-kanak dan golongan muda ini sebagai pemangkin ke arah pencapaian Wawasan 2035 dalam menyumbang pendapat bagi menangani isu-isu sosial pada masa kini termasuk cabaran untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan isu kemiskinan.

Mereka menyuarkan kebimbangan dalam menghadapi isu tersebut memandangkan peluang pekerjaan yang baik itu adalah kunci kepada kesejahteraan masyarakat. Oleh yang demikian, tanpa pekerjaan yang baik, anak-anak muda itu akan mudah terdedah dengan isu sosial yang sukar dibendung.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran kanak-kanak akan kepentingan mendapat peluang pekerjaan yang baik agar isu-isu lain dapat dielakkan dan ditangani dengan baik.



Kanser punca utama kematian

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



DAYANG Nurafilabibah binti Mohd. Shafiee berpendapat, punca lain bagi masalah kegemukan ialah mereka tidak aktif bersukan serta beriadah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kanser adalah penyebab utama kematian juga bebanan di seluruh dunia dan negara ini tidak terkecuali, di mana lebih daripada 20 peratus punca kematian adalah disebabkan oleh kanser, iaitu suatu penyakit kronik yang boleh menimpa sesiapa sahaja tanpa mengenal usia dan jantina.

Selain itu, negara juga pada masa ini sememangnya menghadapi bebanan penyakit tidak berjangkit (NCDs) seperti obesiti, kencing manis dan sakit jantung yang juga turut menyumbang pada punca penyebab kanser yang semakin meningkat disebabkan oleh amalan cara hidup yang tidak sihat, selain kurang kepekaan dalam menjalani pemeriksaan kesihatan secara rutin.

Perkara itu pernah dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa merasmikan Jerayawara dan Forum Perdana bersempena Sambutan Hari Kanser Sedunia 2017 yang diadakan di ruang Lobi, Pusat Kanser Brunei (TBCC) baru-baru ini.

Menurutnya, hampir separuh daripada semua jenis kanser adalah disebabkan oleh empat risiko tingkah laku dan pemakanan utama, iaitu merokok, berat badan berlebihan (obesiti), tidak makan buah-buahan serta sayur-sayuran dengan cukup dan tidak melakukan aktiviti fizikal dengan mencukupi.

Dari itu, kita semua perlu tahu bahawa NCDs tersebut juga merupakan pembunuh nombor satu, di mana kematian tempatan adalah

AWANG Ammar Assyraaf bin Haji Suhaimi berpendapat, kerajaan perlu meningkatkan lagi usaha terhadap penguatkuasaan larangan merokok di tempat awam.

disebabkan daripada empat punca utama, iaitu kanser, sakit jantung, kencing manis dan strok yang berpunca dari NCDs.

Manakala bebanan NCDs dijangka akan meningkat menjadi 17 peratus dalam 10 tahun juga diramalkan bahawa NCDs akan menjadi penyebab utama kecacatan hingga tahun 2030 dan hampir sepertiga kematian global pada tahun 2020, seperti mana yang pernah dinyatakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohammad Khalifah bin Pengiran Haji Ismail ketika berucap pada Konsultasi Susulan, Pembentukan Pelan Tindakan Kebangsaan Pelbagai Sektor bagi Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2013 - 2018 bagi Profesional Kesihatan, berlangsung di Centrepoint Hotel, Gadong pada 3 Mei 2013.

Menurut Dayang Nurafilabibah binti Mohd. Shafiee, pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam jurusan Media Komunikasi menyatakan obesiti dapat ditakrifkan sebagai seseorang yang mempunyai berat badan berlebihan.

Dalam erti kata lain, obesiti ialah memiliki berat badan yang tidak ideal dengan ketinggian.

Persoalannya, apakah punca-punca masalah kegemukan yang semakin menjadi pada era ini? Jelasnya antaranya kerana tidak mempraktikkan amalan pemakanan seimbang; kurang menjaga bentuk atau fizikal badan; cenderung kepada pemakanan makanan segera yang tinggi dengan kalori; kebanyakan individu yang bekerja terpaksa mengambil makanan segera sebagai makanan harian bagi



CARTA sukatan bagi berat badan.

mengejar masa; kebanyakan ibu bapa yang bekerja juga turut membekalkan makanan anak-anak ke sekolah dengan makanan segera dan diproses seperti kentang goreng, mi segera, sosej, nugget dan sebagainya.

Punca lain bagi masalah kegemukan ialah mereka tidak aktif bersukan serta beriadah dan fenomena ini terjadi kerana mereka leka dengan hiburan menonton televisyen serta berhibur mendengarkan corong-corong radio, manakala sebilangan lebih selesa tidur dan mengasuh sikap mereka sendiri yang malas untuk bersukan atau beriadah.

Namun sesetengahnya juga didapati lebih gemar melakukan aktiviti yang langsung tidak mendatangkan faedah antaranya didapati sesetengah individu dan berkumpul lebih cenderung melepak, merokok, merayau-rayau dan sebagainya berpelesiran ke sana dan ke sini seperti tiada arah tujuan serta sikap inilah sememangnya tidak mendatangkan kesedaran kepada para masyarakat untuk menjaga kesihatan diri.

Tambahnya lagi individu mahupun masyarakat yang kurang gemar bersukan dan beriadah telah menyumbang pada masalah obesiti yang melanda di negara ini.

Penubuhan Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, antara lain menyediakan dan melaksanakan langkah-langkah strategik dalam mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit, di samping memperkukuhkan dan memperkesakan lagi secara lebih komprehensif.

Bangunan PPK menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur yang telah dikembangukan seperti menyediakan galeri kesihatan, gimnasium kesihatan yang dilengkapi dengan peralatan sukan, klinik cara hidup sihat, pusat sumber, kolam renang serta kawasan riadah yang cukup luas untuk melakukan kegiatan fizikal.

Antara pelaksanaan program dan aktiviti di pusat berkenaan ialah Program Promosi Kesihatan Dewasa termasuk Program Klinik Cara Hidup Sihat, Program Promosi Kesihatan Remaja, Program Pendidikan Anti-rokok dan Berhenti Merokok, Program Pemakanan Sihat, Program Kegiatan Fizikal, Bahagian Sumber serta Pemasaran termasuk Program Komunikasi Kesihatan.

Selain itu, program Fit4Good juga pernah diadakan, iaitu sebuah program kesihatan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan para remaja sekolah yang mempunyai berat

badan berlebihan dengan mengamalkan cara hidup sihat berpanjangan juga dapat mengawal obesiti dalam kalangan penuntut-penuntut sekolah.

Kajian telah mendapati bahawa jika obesiti tidak ditangani pada peringkat kanak-kanak atau remaja, mereka akan terus menjadi obes dan penyebarluasan obesiti dalam kalangan remaja sekolah akan meningkat dari setahun ke setahun, dengan demikian menangani isu obesiti di peringkat awal boleh menjadi satu strategi yang berkesan bagi memerangi penyebarluasan penyakit-penyakit tidak berjangkit di Negara Brunei Darussalam.

Manakala penggunaan rokok juga adalah salah satu penyebab penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs) seperti kanser, penyakit jantung, kencing manis, strok dan tekanan darah tinggi serta penyakit-penyakit ini merupakan lima penyakit utama kematian di negara ini, di mana kanser paru-paru adalah kanser tertinggi di Negara Brunei Darussalam dan merokok adalah penyebab utama pada kanser paru-paru.

Kesan-kesan dari merokok ini ialah ia bukan sahaja menjejaskan perokok itu sahaja malah menjejaskan mereka yang tidak merokok yang terdedah pada asap rokok kerana asap rokok pasif mengandungi lebih banyak tar, karbon monoksida dan nikotin sekali gus turut menjejaskan kesihatan mereka yang tidak berdosa ini (terdedah dan mendapat penyakit kronik melalui ketidakprihatinan dan kepentingan diri sendiri para perokok aktif) yang mungkin sahaja boleh mengancam nyawa orang lain.

Justeru, menurut Awang Ammar Assyraaf bin Haji Suhaimi, pelajar UBD dalam jurusan Media dan Komunikasi Profesional katanya, kerajaan perlu meningkatkan lagi usaha terhadap penguatkuasaan larangan merokok di tempat awam termasuk di bangunan-bangunan dan jabatan-jabatan kerajaan, restoran-restoran sama ada dalam restoran itu sendiri mahupun yang duduk di luar restoran bagi menghormati para pelanggan yang lain, tempat-tempat awam serta premis-premis perniagaan.

"Merokok menggunakan puntung ataupun secara rokok elektronik (vape) sekalipun perlu diambil tindakan sewajarnya, kerana ini jelas boleh mendatangkan kemudahan kepada para pengguna itu sendiri selain kemajuan dalam industri tembakau (dari negara-negara yang menghasilkan tembakau) telah menjejaskan hayat kehidupan masyarakat dan ekonomi negara kita sendiri, jadi perlu

apa untuk kita merokok dan membunuh diri sendiri dan orang di sekeliling kitani," jelas beliau lagi.

Juga diketahui amalan merokok sememangnya tidak mendatangkan sebarang kebaikan atau manfaat selain ia cuma merugikan wang ringgit kerana perlu membayar lebih mahal kepada pihak-pihak tertentu semata-mata untuk mendapatkan sumber rokok, ini juga boleh menyebabkan kesalahan jenayah kerana berlakunya pengimportan masuk rokok-rokok ke negara kita secara haram dan boleh saja memudaratkan pihak-pihak tertentu yang terlibat, tambahannya.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan turut mengingatkan kepada orang ramai bahawa larangan penggunaan rokok elektronik (e-Cigarette) atau vape adalah termasuk di bawah Perintah Tembakau 2005 : bermakna menyedut dan mengeluarkan asap tembakau atau sebarang bahan lain dan ini termasuklah juga memegang apa-apa jua produk tembakau yang menyala dan mengeluarkan asap.

Menyedut dan mengeluarkan wap haba sama ada dari rokok atau dari rokok elektronik (vape) adalah terkandung dalam tafsiran merokok.

Jika seseorang itu didapati merokok atau menggunakan rokok elektronik (e-Cigarette) atau vaping di tempat-tempat yang dilarang merokok, boleh dikenakan denda kompaun di bawah Perintah Tembakau 2005 Bab 14(2), iaitu BND300 bagi kesalahan pertama dan BND500 bagi kesalahan kedua juga berikutnya.

Manakala, menurut Perintah Tembakau 2005 Bab 6(1), pengimportan dan penjualan rokok elektronik di sini boleh dikenakan denda tidak melebihi dari BND5,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi dari BND10,000 bagi kesalahan kedua dan berikutnya.

E-Cigarette atau vape dan e-Liquid yang mengandungi bahan-bahan berbahaya seperti nikotin, bahan toksik atau bahan-bahan kimia adalah berisiko menyebabkan kanser dan menjejaskan kesihatan.

Di samping itu, pengambilan dan pendedahan pada nikotin yang berpanjangan melalui sedutan berpotensi menjejaskan perkembangan otak janin, kanak-kanak dan remaja, manakala warna, bau dan cara pembungkusan e-liquid boleh menarik perhatian kanak-kanak seterusnya mendatangkan kemudahan dan risiko keracunan jika terminum atau termakan.



SEBAHAGIAN daripada poster yang mempamerkan bahaya rokok.

DBP lestari Program Memupuk Budaya Membaca

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Membaca adalah pintu kepada penerokaan ilmu di mana bangsa yang membaca ialah bangsa yang sentiasa cintakan ilmu. Maka dengan ilmulah bangsa itu akan membangun dan mewujudkan sebuah tamadun yang cemerlang.

Peranan pelbagai pihak diperlukan dalam usaha ke arah itu, bagi meningkatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai program-program yang dirangka dan dilaksanakan sepanjang tahun.

Dalam sama-sama menyokong kemeriahan Bandarku Ceria, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) turut serta melestarikan Program Memupuk Budaya Membaca. Program ini telah mula dijalankan pada hari Ahad 29 Januari 2017 yang lalu dengan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan dalam ditemu bual eksklusif bersama Pelita Brunei.

Menurut Dayang Hajah Nortijah, antara objektif utama kegiatan diadakan antara lain adalah bagi menjunjung tithat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah tentang kepentingan kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira dalam melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu, bermaklumat, berpengetahuan, berkualiti dan berdaya saing sejak dalam kandungan ibu dan bagi mendukung Wawasan Negara 2035.

Program Memupuk Budaya Membaca itu ujarnya, adalah untuk menanamkan sikap rajin membaca dalam kalangan masyarakat khususnya kanak-kanak, di samping menggalakkan dan meluaskan penggunaan buku, maklumat dan bahan perpustakaan melalui Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak.

Dalam memperkasa budaya membaca di Negara Brunei Darussalam tambahnya, Perpustakaan

DBP menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.

Antara perkhidmatan pembaca ialah Perkhidmatan Peminjaman Dewasa, Peminjaman Muda-Mudi, Peminjaman Kanak - Kanak, Perkhidmatan Sekolah, Perkhidmatan Bruneiana, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak, Perkhidmatan Sistem Peminjaman Kelompok, Sistem Perkhidmatan Keluarga, Perkhidmatan Sumber Media, Perkhidmatan Internet, Perkhidmatan Komputer bagi masyarakat, Perkhidmatan Khidmat Nasihat mengenai Perpustakaan, Perkhidmatan International Standard Book Number (ISBN), Perkhidmatan Penjilidan dan Pemuliharaan Bahan dan Perkhidmatan Katalog dalam Penerbitan (CIP).

Manakala Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat adalah bagi koleksi-koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Koleksi Kerabat Diraja, Koleksi Bruneiana, Koleksi Asia Tenggara, Koleksi ASEAN, Koleksi UNESCO, Koleksi OIC, Koleksi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation), Koleksi BIMP - EAGA, Koleksi Commonwealth, Koleksi Sains Perpustakaan, Koleksi Perubatan dan Kesihatan, Koleksi Sumber Media dan Koleksi Terbitan Bersiri (Majalah dan Surat Khabar) Terbitan Brunei.

"Sementara itu, antara program-program lain memperkasa budaya ialah menubuhkan Sudut Bacaan di empat buah rumah panjang, iaitu untuk memberikan kemudahan kepada para penduduk di luar bandar dan pedalaman untuk menikmati sama kemudahan perpustakaan yang disediakan oleh Perpustakaan DBP iaitu seperti Rumah Panjang Mendaram Besar Ulu Belait, Daerah Belait; Rumah Panjang Kampung Amo, Daerah Temburong; Rumah Panjang Kampung Sibut, Daerah Temburong dan Rumah Panjang Semabat, Daerah Temburong.

Sebanyak 1,000 - 2,000 buah buku dan bahan bacaan lain termasuk kertas

soalan Peperiksaan 'O' Level dan 'A' level disediakan. Buku dan bahan bacaan tersebut akan ditukar setiap tiga bulan sekali.

Manakala Perkhidmatan Sistem Peminjaman Kelompok adalah bagi kemudahan dan kegunaan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang tidak mempunyai perpustakaan untuk meminjam dan menggunakan buku-buku perpustakaan. Buku-buku atau bahan yang dipinjam hendaklah dipilih sendiri oleh agensi tersebut.

Sebanyak 100 - 200 buah buku boleh dipinjam dalam tempoh satu bulan. Perkhidmatan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan selalu digunakan oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Penjara (lelaki dan perempuan); Rumah Al-Islah (lelaki dan perempuan); Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait; sekolah-sekolah menengah; sekolah-sekolah rendah di Kampong Ayer dan Persatuan Pengakap," jelas Dayang Hajah Nortijah.

Beliau seterusnya menambah, bahawa bagi Perkhidmatan Sistem Peminjaman Keluarga, iaitu perkhidmatan ini dikhususkan bagi keluarga yang akan mengadakan atau mengunyahahkan majlis-majlis keraian keluarga seperti majlis perkahwinan, pindah rumah, menyambut hari jadi dan sebagainya. Sebanyak 100 - 200 buah buku boleh dipinjam dalam tempoh seminggu.

DBP katanya, juga menambah, peminjaman buku daripada dua buah kepada lima buah dalam tempoh peminjaman selama dua minggu demi untuk melahirkan masyarakat Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah masyarakat yang berilmu, berpengetahuan, berwawasan, cerdas lagi pintar dan maju dalam segenap lapangan.

DBP juga terang beliau, turut membukakan perkhidmatan pada hari Jumaat dan Ahad pada hari selepas awam untuk memberikan kemudahan kepada segenap lapisan masyarakat untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan DBP di keempat-empat daerah dengan tujuan untuk menjinakkan masyarakat dalam

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

meningkatkan budaya suka dan gemar membaca, iaitu Perpustakaan DBP Bandar Seri Begawan; Perpustakaan DBP Daerah Tutong; Perpustakaan DBP Kampung Pandan, Daerah Belait serta Perpustakaan DBP Daerah Temburong.

Selain itu, DBP juga menyediakan Peti Cadangan dan e-mel bagi tujuan untuk mengetahui dan menggalakkan sebarang cadangan, teguran dan pandangan daripada orang ramai khususnya para pengguna perpustakaan mengenai dengan buku atau bahan bacaan yang mereka kehendaki dan tidak terdapat di Perpustakaan DBP, Peti Cadangan di kesemua cawangan perpustakaan telah disediakan bagi kemudahan mereka untuk menarik dan menggalakkan budaya suka dan gemar membaca.

Di samping itu juga, memberikan insentif dan hadiah galakan kepada ahli-ahli perpustakaan sebagai memotivasikan ahli-ahlinya menghargai dan menghayati buku dengan memberikan sijil dan hadiah galakan kepada ahlinya seperti Kerajinan Membaca Dewasa, Kerajinan Membaca Muda-Mudi, Kerajinan Membaca Kanak-Kanak, Kerajinan Membaca Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak, Pengunjung Setia Perpustakaan, Pusat Perhentian Perpustakaan Terbaik, Peminjam Sistem Peminjaman Kelompok Terbilang dan Peminjam Sistem Peminjaman Keluarga Terbilang.

Projek e-Perpustakaan dalam *flagship* e-Kerajaan turut melibatkan lima buah perpustakaan jabatan-jabatan kerajaan kini telah siap 100 peratus dan beroperasi sepenuhnya.

Membaca buku dalam bentuk digital seperti e-Book dan juga Cakera Padat (CD) atau Cakera Video Digital (DVD). Buku dalam bentuk digital e-Book ataupun format pdf yang dimuat turun melalui internet juga



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan dalam ditemu bual eksklusif bersama Pelita Brunei.

praktikal yang dilengkapi kemudahan internet. Orang ramai dialu-alukan menjadi ahli perpustakaan dengan mendaftarkan diri di cawangan-cawangan perpustakaan di keempat-empat daerah.

Mukim Buku di Mukim Gadong 'A' terletak di Simpang 51 Perpindahan Negara Rakyat Jati, Kampung Rimba telah dibuka perkhidmatan perpustakaan kepada penduduk kampung dan mukim pada 16 Februari 2015. Sementara Pusat Masyarakat Bestari di Mukim Lumut perkhidmatan perpustakaan telah dibuka pada 4 Januari 2017 yang baru lalu.

Mukim Buku dan Pusat Masyarakat Bestari itu berfungsi bukan sahaja sebagai perpustakaan dan tempat untuk meminjam buku malahan juga boleh dijadikan sebagai sumber ilmu untuk masyarakat mendapatkan pembelajaran dan ilmu sepanjang hayat melalui sumber tradisi seperti buku dan majalah serta media cetak kepada sumber moden, iaitu internet dan komputer.

Kemasukan ke Pusat Tingkatan Enam dibukakan



PUSAT Tingkatan Enam Meragang (PTEM) semasa mengadakan Hari Terbuka dan menjemput para ibu bapa, penjaga dan juga pelajar bagi kemasukan Sesi 2017 / 2018 di ruang lobi, PTEM.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Pusat Tingkatan Enam Meragang (PTEM) mengadakan Hari Terbuka dan menjemput para ibu bapa, penjaga dan juga pelajar bagi kemasukan Sesi 2017 / 2018 bertempat di ruang lobi, PTEM.

Sehubungan itu, para ibu bapa dan juga pelajar sangat dialu-alukan untuk berjumpa dengan pensyarah subjek untuk mengetahui lebih lanjut tentang subjek pilihan pelajar di peringkat GCE 'A' Level.

Selain itu, guru-guru daripada pihak kerjaya juga boleh membantu para pelajar yang belum memilih pilihan kerjaya.

Hari Terbuka dan kemasukan pelajar yang diadakan selama tiga hari itu akan berakhir pada 8 Februari ini nanti bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung lagi pada jam 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Setiap pelajar yang ingin mendaftar hendaklah membawa Kad Pengenalan dan Sijil Peperiksaan 'O' Level masing-masing berserta salinan dan juga empat keping gambar ukuran pasport.

Berita dan Foto : Ihsan Amal Masir

Permohonan Program Peningkatan Akademik GCE 'O', IGCSE dilanjutkan

Siaran Akhbar : Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE CET) memaklumkan bahawa tarikh tutup permohonan bagi mengikuti Program Peningkatan Akademik Peringkat GCE 'O' dan IGCSE telah dilanjutkan sehingga hari Sabtu, 18 Februari 2017, jam 3.30 petang.

Borang permohonan bolehlah diperolehi di Bahagian Pentadbiran IBTE CET, Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong, BE1310.

Sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi IBTE CET melalui talian +673 2422493 semasa waktu pejabat.

Maklumat lanjut mengenai Program Peningkatan Akademik juga boleh didapati dengan melayari laman Facebook *Pendidikan Lanjutan dan Latihan* atau Instagram *ibtecet*.

Di samping itu, borang permohonan juga boleh diperolehi dan dikembalikan semasa Higher Education Expo 2017 di Dewan BRIDEX 1 dan 2, pada 11 juga 12 Februari 2017.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 13/2/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 08 FEBRUARI 2017

TARIKH TUTUP: 27 FEBRUARI 2017

1. PEGAWAI PERPUSTAKAAN
B.2 EB.3 / B.2
BAHAGIAN II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN : 2

2. PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT III
E.1-2-3 EB.4
BAHAGIAN V
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN : 1

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR INVESTMENT PROPOSALS TO DESIGN, BUILD, OPERATE, MAINTAIN AND TRANSFER PASARNEKA SERIA. JALAN LORONG 3 SELATAN SERIA

MINISTRY of Home Affairs (MoHA) is seeking a suitable and reputable investor, hereinafter referred to as "Prospective Investor" to Design, Build, Operation, Maintain and Transfer (DBOMT) of Pasarneka Seria, Jalan Lorong 3 Selatan, Seria.

The MoHA intends to work with Prospective Investor on the basis of a (DBOMT) model as details below :

1) MoHA will provide land on lease for the redevelopment of Pasarneka Seria. The cost of premium including land annual tax will be borne by the Prospective Investor.

2) The Prospective Investor will redevelop the said area which includes public and community facilities.

3) The Prospective Investor will collect revenues from operating and leasing the area including public and community facilities as returns for their investment into the building. In return, the Prospective Investor is required to build and handover shop units and other development in that area by the end

of the concession period including necessary infrastructure according to authorise requirement.

4) The Prospective Investor shall Invest, Design, Build, Operate, Maintain and Transfer the shop units for a maximum concession period of **twenty (20) years**. At the end of the concession period, the complex will be transferred to the MoHA in good conditions.

To register for the RFP, interested parties should send an e-mail to rfp.khedn@moha.gov.bn with the subject heading, **DESIGN, BUILD, OPERATE, MAINTAIN AND TRANSFER PASARNEKA SERIA, JALAN LORONG 3 SELATAN, SERIA and attaching company profile.**

More detailed information and guideline for submitting proposals will be provided in the Request for Proposal (RFP) document which can be obtained from Ministry of Home Affairs or through e-mail rfp.khedn@moha.gov.bn

Completed proposal shall be sealed and delivered by hand or registered mail **no later than Tuesday, 14th March 2017, 2.00 Pm Brunei Darussalam time** to :

MINI TENDER BOARD
GROUND FLOOR
MINISTRY OF HOME AFFAIRS
JALAN JAMES PEARCE
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



MAKLUMAN

Bahagian Pendidikan Lanjutan & Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei telah melanjutkan tarikh permohonan Program Peningkatan Akademik peringkat GCE 'O' & IGCSE

Bahagian Pendidikan Lanjutan & Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE CET) memaklumkan bahawa tarikh tutup permohonan bagi mengikuti Program Peningkatan Akademik peringkat GCE 'O' dan IGCSE telah dilanjutkan sehingga hari Sabtu, 18 Februari 2017, jam 3.30 petang.

Borang permohonan bolehlah diperolehi di Bahagian Pentadbiran IBTE CET, Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong, BE1310. Bagi sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi IBTE CET di talian 2422493, semasa waktu pejabat. Maklumat lanjut mengenai Program Peningkatan Akademik juga boleh didapati dengan melayari laman Facebook 'Pendidikan Lanjutan dan Latihan' atau Instagram 'ibtecet'.

Di samping itu, borang permohonan juga boleh diperolehi dan dikembalikan semasa 'Higher Education Expo 2017' di Dewan Bridex 1 & 2, pada 11 dan 12 Februari 2017.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
II & III
KATEGORI :
(B01, KA01 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
21 FEBRUARI 2017 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP :
7 MAC 2017 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

BIL. : JKR/DTS/01/CQS/2017-T/III

NAMA PROJEK :

**MEMBANGUN, MEMBISAIKAN
DAN MEMELIHARA MAKAM-MAKAM
SULTAN BRUNEI**

**A) MAKAM SULTAN MUHAMMAD ALI
DI PERKUBURAN BUKIT TINGGI
KAMPUNG KIANGGEH
B) MAKAM SULTAN SHAH BRUNEI
DI PERKUBURAN ISLAM DAGANG,
JALAN RESIDENCY,
KAMPUNG KIANGGEH**

NO. PROJEK : JKR/DTS/SP/15/2016

**YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -**

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah
dimasukkan ke dalam Peti Tawaran,
Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat

Bawah, Kementerian Pembangunan,
Berakas, BB3510, Negara Brunei
Darussalam (kecuali) lain dari alamat
yang dinyatakan dalam iklan atau
dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat
dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan
tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan
dalam sampul surat yang rapi (*sealed*)
dengan menyatakan tajuk projek yang
berkenaan tanpa menyatakan nama penawar
dan dihantar ke alamat yang dinyatakan
dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat
dan diperoleh dari Unit Pembahagian
Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang
Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam. Dokumen
tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan
Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan
tawaran yang dimulai dengan huruf
("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat

dan diperoleh dari Unit Kontrak,
Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan
kepada mana juga kontraktor sama ada
berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang
ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran
dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki
membawa sijil pendaftaran kontraktor dan
pembekal yang menunjukkan bahawa
pemborong adalah yang berdaftar di
Kementerian Pembangunan dalam kelas
yang ditetapkan dan dikehendaki membayar
yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan
dengan menggunakan borang-borang tawaran
yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam tidak akan semestinya menerima
tawarantawaran yang terendah atau
lain-lain tawaran.



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TAWARAN KASTAM 31/2016
MEMBEKAL SEGEL "HIGH SECURITY
CONTAINER SEAL" KEPADA
JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan 16 dan 17 yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang masih sah.
2. Borang-borang tawaran bolehlah diperoleh di Bahagian Pengurusan Projek-Projek, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.
3. Sebut Harga hendaklah dalam mata wang Ringgit Brunei Darussalam (BND).
4. Hendaklah menyatakan tempoh sah laku tawaran yang hendak dihadapkan.
5. Pengalaman syarikat melaksanakan pembekalan kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelumnya adalah satu kelebihan dengan menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan (salinan surat lantikan).
6. Hendaklah menyertakan keterangan

dan contoh-contoh SEGEL yang hendak
dibekalkan.

7. Hendaklah memberikan jaminan
(*warranty*) selama **TIGA (3) BULAN** dari
tarikh pembekalan SEGEL-SEGEL dan
diterima oleh jabatan.

8. Pembekalan SEGEL hendaklah
dalam tempoh **DUA (2) BULAN** sahaja
dari tarikh tawaran dibuat.

9. Tawaran hendaklah dimasukkan ke
dalam Peti Tawaran Jabatan Kastam dan
Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara
Brunei Darussalam dalam sampul surat
yang tertutup rapat (*sealed*) pada :

**SELASA
28 FEBRUARI 2017
2.00 PETANG**

**Sampul surat tawaran hendaklah ditulis
seperti berikut :**

**SULIT
TAWARAN KASTAM 31/2016
MEMBEKAL SEGEL "HIGH SECURITY
CONTAINER SEAL" KE JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima
dari tarikh dan waktu yang ditetapkan
tidak akan dilayan.

TAWARAN KASTAM 32/2016

**PERKHIDMATAN PEMOTONGAN
RUMPUT KE ATAS KAWASAN
PERUMAHAN FLAT
JALAN TANJUNG BATU
DAN RUMAH-RUMAH TUMPANGAN
DI BAWAH KAWALAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA (MUARA),
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang mempunyai lesen Perkhidmatan Pemotongan Rumput yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang masih sah.
2. Borang-borang tawaran boleh diperoleh di Bahagian Pengurusan Projek-Projek, Tingkat 2, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.
3. Tempoh bagi tawaran perkhidmatan ini adalah selama **DUA (2) TAHUN** sahaja.
4. Sebut Harga hendaklah dalam mata wang Ringgit Brunei Darussalam (BND).
5. Hendaklah menyatakan tempoh sah laku tawaran yang hendak dihadapkan.
6. Pengalaman syarikat melaksanakan perkhidmatan pemotongan rumput kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelumnya adalah satu kelebihan dengan menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan (salinan surat lantikan).
7. Hendaklah menyatakan jumlah mesin-mesin pemotongan rumput yang dimiliki / digunakan bagi kerja-kerja pemotongan

rumput tersebut.

8. Hendaklah menyenaraikan jumlah
pekerja yang hendak ditempatkan bagi
melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput.
Dan hendaklah menyatakan jumlah pekerja
yang dimiliki oleh syarikat sebagai tukang
potong rumput.

9. Tarikh bagi membuat lawatan ke tempat
yang hendak dibuat tawaran adalah pada :

**18 FEBRUARI 2016
SABTU
8.30 PAGI.**

10. Tawaran hendaklah dimasukkan ke
dalam Peti Tawaran Jabatan Kastam dan Eksais
Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei
Darussalam dalam sampul surat yang tertutup
rapat (*sealed*) pada :

**SELASA
28 FEBRUARI 2016
2.00 PETANG**

**Sampul surat tawaran hendaklah ditulis
seperti berikut :**

**SULIT
TAWARAN KASTAM 32/2016
PERKHIDMATAN PEMOTONGAN
RUMPUT KE ATAS KAWASAN
PERUMAHAN FLAT JALAN
TANJUNG BATU DAN RUMAH-RUMAH
TUMPANGAN DI BAWAH KAWALAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
(MUARA) NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.**

12. Tawaran-tawaran yang lewat diterima
dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak
akan dilayan.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 002 / 2017**

**KETERANGAN :
EXPRESSION OF INTEREST
FOR CONSULTANCY SERVICES
FOR FEASIBILITY STUDIES
OF UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM EDUCITY AT
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, BE1410, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam **2.00 PETANG** pada
SELASA, 7 MAC 2017.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat
dari tarikh dan jam yang ditetapkan
tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan
tempoh pembekalannya.

4. Segala kehendak dalam borang ini
mestilah ditulis dengan betul dan terang,
jika tidak permohonan tawaran ini
akan ditolak.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar
dalam sampul surat yang bertutup.
Pada bahagian atas sampul surat
hendaklah ditulis tajuk atau bilangan
tawaran sepertimana yang diiklankan
serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa
menunjukkan identiti pembekal / pemborong
dan ditunjukkan kepada :

PENGERUSI

**LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN (A), BLOK A
TINGKAT 1, BANGUNAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LAPANGAN TERBANG
LAMA BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

6. Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang lanjut
boleh diperoleh dari Universiti Brunei
Darussalam.

7. Bayaran dokumen dan pentadbiran
(tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar
dengan **WANG TUNAI.**

**Waktu menerima cagaran tawaran
adalah seperti berikut :**

Isnin hingga Khamis

**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.45 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu**

**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.45 Petang hingga 3.30 Petang**

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar
dengan menggunakan borang-borang tawaran
yang telah disediakan. Tawaran yang
mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan
hendaklah disertakan bersama.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam tidak semestinya menerima
tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain
tawaran.

11. Lain-lain perkhidmatan boleh didapati
dari <http://www.ubd.edu.bn>.



JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMELIHARA
BANGUNAN POS KAWALAN IMIGRESEN
SUNGAI TUJOH, KUALA BELAIT
BILANGAN TAWARAN : 01/IMMB/01/2017

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat yang tersebut di bawah tidak lewat pada
27 Februari 2017, Selasa, jam 2.00 Petang.

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
BANGUNAN KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI
TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan

masa yang telah ditetapkan di atas **tidak akan dilayan.**

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam **dua (2)** salinan berserta dengan Borang Pengakuan Salinan Pendaftaran Perniagaan (Business Registration).

4. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti penender dengan menulis di luar sampul surat berkenaan seperti berikut :

BILANGAN TAWARAN : 01/IMMB/01/2017
TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMELIHARA
BANGUNAN POS KAWALAN IMIGRESEN SUNGAI
TUJOH, KUALA BELAIT

TARIKH TUTUP : 21 FEBRUARI 2017

5. PENENDER hendaklah menyatakan sebut harga bagi kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan termasuk peralatan

dan *detergent* yang digunakan. PENENDER hendaklah juga menyenaraikan kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan secara harian atau berkala dalam masa seminggu, sebulan dan sebagainya.

6. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membayar yuran tawaran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)**. Dokumen dan pembayaran wang cagaran boleh didapati dan dibuat di **Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar** pada bila-bila waktu pejabat dibuka.

7. Tawaran ini adalah bagi tempoh satu (1) tahun bermula dari tarikh kontrak perjanjian dipersetujui dan ditandatangani.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV & V
KATEGORI : (B01, KA01, E01, M01,
KPME01 SAHAJA) - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :

7 FEBRUARI 2017 (SELASA)

TARIKH TUTUP :

28 FEBRUARI 2017 (SELASA)

TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG

BIL. : JKR/DTS/21/CQS/2016-T/V

NAMA PROJEK : PROPOSED BUILDING FOR CARGO X-RAY MACHINE

NO. PROJEK : JKR/DTS/SP/13/2016

YURAN TAWARAN : BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

E-DOKUMEN : -

Syarat-Syarat Tawaran :

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH**

PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :25 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. /25/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MUHAMMAD NORSHAFIEE BIN DATO PADUKA HAJI ABDUL JALIL** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DATIN HAJAH NORIAH BINTI DATO PADUKA HAJI NOORDIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **14 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :26 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. /29/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **KHASRIN BIN HAJI MOHAMAD SA'AT** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SITI NURUL SA'DATUL HAFIZHAH BINTI HAJI KHASRIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BAPA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **14 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :26 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. /30/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DATO PADUKA HAJI MOHD NOR BIN HAJI JELUDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAMIT BIN KALONG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **CUCU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **21 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :26 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
PROBATE NO. /03/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **JAMES CHUA PHENG KYAN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **CHUA KONG ANN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **PEMEGANG SURAT KUASA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **7 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :25 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. /09/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SURYADI BIN HAJI SUHAILI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SUHAILI BIN TIMBANG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **14 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :24 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. /16/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ABDUL RAHIM BIN BUNGSO / BUNGSU** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI BUNGSU BIN JAMADIN / JAMUDIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **14 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :24 Januari 2017.

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)
Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam.**



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 288 TAHUN 2014
BAIDURI BANK BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**CHANG FA YEH
(BGIC NO. 50-681211)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **3 Disember 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

CHANG FA YEH
No. 10, Spg. 1233, Kg. Batu Ampar
Jln. Mulaut-Limau Manis, BH2723
Brunei Darussalam.
Tarikh Petyisyen : 11 Mac 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **3 Disember 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **25 Januari 2017, jam 9.15 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **25 Januari 2017, jam 9.15 Pagi**.

Bertarikh : **31 Disember 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 289 TAHUN 2014
BAIDURI BANK BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**YONG CHUAN SIANG
(BPIC NO. 30-201784)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **3 Disember 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

YONG CHUAN SIANG
No. 75, Spg. 23-22, Jalan Dipa Negara
Kuala Belait, KA1731
Brunei Darussalam.
Tarikh Petyisyen : 11 Mac 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **3 Disember 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **25 Januari 2017, jam 9.30 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **25 Januari 2017, jam 9.30 Pagi**.

Bertarikh : **31 Disember 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 330 TAHUN 2016
HSBC FINANCE (B) BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**NORSIAH BINTI HAJI NAIM
(BYIC NO. 00-077984)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Disember 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

NORSIAH BINTI HAJI NAIM
No. 24, Spg. 359
Rumah Kembar STKRJ Rimba
Gadong, BE3119
Brunei Darussalam.
Tarikh Petyisyen : 11 Oktober 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Disember 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan

di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **25 Januari 2017, jam 10.00 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **25 Januari 2017, jam 10.00 Pagi**.

Bertarikh : **31 Disember 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 550 TAHUN 2015
HSBC FINANCE (B) BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**PG. ROSIAH BINTI PG. HJ. TAJUDIN @
PG. FATIMAH
(BYIC NO. 00-051206)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 Oktober 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**PG. ROSIAH BINTI PG. HJ. TAJUDIN @
PG. FATIMAH**
No. 25, Spg. 165-5, Jln. 99
RPN Kg. Rimba
Brunei Darussalam.
Tarikh Petyisyen : 30 Januari 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Oktober 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **30 Januari 2017, jam 10.30 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **30 Januari 2017, jam 10.30 Pagi**.

Bertarikh : **31 Disember 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 369 TAHUN 2016
BAIDURI BANK BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**ROHANA BINTI HJ. ABAS
(BYIC NO. 00-120917)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **27 Oktober 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

ROHANA BINTI HJ. ABAS
No. 1, Spg. 185-50
Kampung Katok Tungku, Gadong, BE2519
Brunei Darussalam.
Tarikh Petyisyen : 5 Oktober 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **27 Oktober 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **30 Januari 2017, jam 3.00 Petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **30 Januari 2017, jam 3.00 Petang**.

Bertarikh : **31 Disember 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 397 TAHUN 2016
BANK ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**HJ. SHMINAN BIN HJ. ABD. JALIL
(BYIC NO. 00-261578)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 November 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

HJ. SHMINAN BIN HJ. ABD. JALIL
No. 11, Jalan 11
Kg. Perpindahan Lambak Kanan, BC2915
Brunei Darussalam.
Tarikh Petyisyen : 24 Oktober 2016.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **12 November 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **31 Januari 2017, jam 9.30 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **31 Januari 2017, jam 9.30 Pagi**.

Bertarikh : **31 Disember 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 47 TAHUN 2016
BANK ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**AWG. SHAMSUDDIN BIN AWW. JABERI
(BYIC NO. 01-067924)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 Disember 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

AWG. SHAMSUDDIN BIN AWW. JABERI
No. 25, Kampung Sungai Teraban
Kuala Belait, KA3337
Brunei Darussalam.
Tarikh Petyisyen : 25 Mei 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Disember 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **27 Februari 2017, jam 9.00 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 Februari 2017, jam 9.00 Pagi**.

Bertarikh : **31 Disember 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 276 TAHUN 2012
HSBC FINANCE (B) BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**PG. HJH. NAZZIRAHWATI
BINTI PG. HJ. KULA
(BYIC NO. 00-261949)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Disember 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**PG. HJH. NAZZIRAHWATI
BINTI PG. HJ. KULA**
No. 107, Kg. Pengkalan Gadong
Jln. Menglait, Gadong, BE3919
Brunei Darussalam.
Tarikh Petyisyen : 7 November 2016.
Bertarikh : 27 Disember 2016.

**KEBANKRAPAN NO. 393 TAHUN 2016
BAIDURI BANK BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**MUHD. WAFIY NARZUKI
BIN ABDULLAH @ SIA CHIA YONG
(BRIC NO. 30-207112)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 November 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**MUHD. WAFIY NARZUKI
BIN ABDULLAH @ SIA CHIA YONG**
No. 2, Spg. 127-41-13
Kg. Rimba Gadong, BE3119
Brunei Darussalam.
Tarikh Petyisyen : 25 Oktober 2016.
Bertarikh : 27 Disember 2016.

**KEBANKRAPAN NO. 659 TAHUN 2015
BANK ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**PG. TENGAH
BIN PG. HJ. TAJUDDIN / TEJUDDIN
(BYIC NO. 00-034752)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 November 2016**.

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 November 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**PG. TENGAH
BIN PG. HJ. TAJUDDIN / TEJUDDIN**

No. 20, Lorong Seri Setia Satu
Kg. Perpindahan Mata-Mata
Gadong, BE1918
Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisyen : 31 Ogos 2016.

Bertarikh : 27 Disember 2016.

**KEBANKRAPAN NO. 571 TAHUN 2015
HSBC FINANCE (B) BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**SHAMRIN BIN SAMSUDIN
(BYIC NO. 00-261216)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Disember 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

SHAMRIN BIN SAMSUDIN

No. 4, Spg. 24, Jln. Lugu
Kg. Katimahar, Jln. Tutong, BG2721
Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisyen : 28 Mei 2016.

Bertarikh : 27 Disember 2016.

**KEBANKRAPAN NO. 428 TAHUN 2015
BANK ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**SUZAINA BINTI AZAMAIN
(BYIC NO. 00-285150)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 November 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

SUZAINA BINTI AZAMAIN

G13, Lorong 105-108
Penanjong Garisson, Tutong
Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisyen : 12 Mac 2016.

Bertarikh : 27 Disember 2016.

**KEBANKRAPAN NO. 449 TAHUN 2015
BANK ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Vs

**SAHRUL BIN HAJI AWANG AHAD
(BYIC NO. 00-274571)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Disember 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

SAHRUL BIN HAJI AWANG AHAD

No. 9, Jln. 11, Spg. 76
Kg. Perpindahan Lambak Kanan, BC2915
Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisyen : 2 Mac 2016.

Bertarikh : 27 Disember 2016.

Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar.**

UNISSA anjur aktiviti meriahkan Bandarku Ceria



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal ketika ikut serta dalam acara berbasikal Bandarku Ceria.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Qiyamullail, Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan juga Riadah Bandarku Ceria selama dua hari berturut-turut baru-baru ini. Acara Qiyamullail bagi para

mahasiswa yang diadakan pada 4 Februari lalu di Surau Sementara UNISSA itu disemarakkan dengan zikir dan selawat manakala di ruang lain, Auditorium pula diadakan Sesi Perkongsian Ilmu bagi mahasiswi universiti itu.

Di samping itu juga, satu tazkirah bertajuk 'Learning from the Muslimah Warriors' disampaikan oleh mahasiswi Tahun 3, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Dayang Siti Julaiha binti Puasa.

Aktiviti seumpama ini adalah untuk mengetahui kisah dan sejarah sahabat-sahabat yang terdahulu untuk dijadikan contoh teladan yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan para mahasiswi.

Pada hari berikutnya pula, para mahasiswa / mahasiswi melaksanakan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong sebagai salah satu acara program untuk sama-sama memakmurkan masjid dan menimbulkan rasa kecintaan terhadap masjid.

Acara diteruskan dengan senamrobik yang diketuai oleh Exco Unit Sukan dan Logistik, MPP, Awang Muhamad Ikhwan Syahmi bin Suhaini dan diteruskan dengan aktiviti berbasikal dan berjalan

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



ACARA Qiyamullail bagi mahasiswa yang diadakan di Surau Sementara UNISSA.

kaki menuju ke Taman Haji Sir Omar 'Ali Saifuddin dalam rangka memeriahkan suasana aktiviti Riadah Bandarku Ceria, di samping untuk mengamalkan cara hidup sihat dalam kalangan warga UNISSA agar lebih aktif secara mental dan fizikal.

Turut hadir dalam aktiviti berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan beberapa pegawai dan kakitangan UNISSA.

Bandarku Ceria lebih meriah apabila

para mahasiswa / mahasiswi UNISSA telah membuka laluan kepada para pengunjung dengan mengadakan Klinik Surah Al-Fatihah bagi membantu orang ramai memperbaiki dan menghalusi lagi bacaan Surah Al-Fatihah agar setiap ayat dapat dibaca dengan betul dan menepati makna sebenar.

Pada masa yang sama juga, Photohunt Race turut diadakan di antara mahasiswa / mahasiswi UNISSA agar dapat mengeratkan persaudaraan dan perpaduan antara warga UNISSA.



KLINIK Surah Al-Fatihah bagi membantu orang ramai memperbaiki dan menghalusi lagi bacaan Surah Al-Fatihah agar setiap ayat dapat dibaca dengan betul dan menepati makna sebenar.

Pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek

Siaran Akhbar :
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) sebagai ejen bagi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus serta mentadbir pengeluaran Sukuk Al-Ijarah dengan ini mengumumkan penentuan kadar pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek Ke-142.

Menurut Siaran Akhbar AMBD, jumlah pengeluaran sukuk sebanyak BND100 juta adalah seperti berikut :

Bagi Siri Ke-142, tarikh pengeluaran adalah pada 2 Februari 2017, sementara tarikh matang pada 4 Mei 2017. Manakala tempoh adalah 91 hari dan kadar sewa pula 0.6250 peratus.

Dengan pengeluaran tersebut, Kerajaan Brunei setakat ini telah mengeluarkan lebih BND10.6282 bilion nilai sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek, sejak tawaran pertama pada 6 April 2006, dan baki tertunggak pegangan jumlah Sukuk Kerajaan Brunei sehingga 2 Februari 2017 berjumlah BND513.2 juta.

TAIB pelawa hadiri Ceramah Perdana dan Kuliah Subuh

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) akan mengadakan dua acara bersempena dengan Sambutan Jubli Perak TAIB Ke-25 pada 10 Februari nanti.

Ketua Jabatan Kewangan, TAIB, Dayang Zamzaipa binti Haji Ismail mengumumkan perkara tersebut dalam sidang media yang berlangsung di Bilik Korporat TAIB, di sini.

Jelasnya, salah satu acara itu adalah Kuliah Subuh pada jam 6.15 pagi bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Sementara acara kedua pula ialah Ceramah Perdana yang akan berlangsung di Stadium Tertutup,

Kompleks Sukan Negara Hassanil Bolkiah, Berakas pada jam 8.00 malam.

Dayang Zamzaipa menjelaskan, Kuliah Subuh dan Ceramah Perdana tersebut akan dikendalikan oleh penceramah jemputan dari Malaysia, Ustaz Don Danyial bin Don Biyajid.

Penceramah khas yang tidak asing dalam dunia dakwah itu akan membawakan ceramah bertajuk 'Rezeki dan Hutang' semasa Kuliah Subuh, sementara semasa Ceramah Perdana itu nanti Ustaz Don Danyial akan mengupas perkara yang berkaitan dengan tajuk 'Jutawan Akhirat'.

Selain itu katanya, Ceramah Perdana itu nanti juga akan diserikan dengan

ceramah soleh corang penceramah jemputan tempatan, Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Damit.

Sehubungan itu, terangnya, pihak TAIB akan memberikan tiket percuma kepada orang ramai yang berminat bagi menghadiri Ceramah Perdana malam itu nanti.

Beliau seterusnya menambah, tiket-tiket tersebut akan diberikan pada 8 Februari di beberapa cawangan TAIB iaitu TAIB Bandar Seri Begawan; TAIB Kuala Belait; TAIB Tutong; TAIB Temburong; Platinum TAIB dan Pusat Pembiayaan TAIB di Airport Mall.

Tiket-tiket berkenaan juga boleh didapati selepas Kuliah Subuh pada hari itu juga.

PEGAWAI dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) semasa sidang media yang berlangsung di Bilik Korporat TAIB.



Kementerian Kesihatan perkenalkan Inisiatif Pilihan Sihat

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Negara Brunei Darussalam terus berusaha untuk menangani obesiti kerana terlalu ramai di antara kita makan dan minum dalam jumlah yang banyak, terutamanya makanan yang tinggi gula dan lemak tepu.

Apa yang jelas ialah dengan tahap pemakanan yang sesuai, obesiti boleh dicegah. Kawalan jumlah pemakanan, diet yang kaya dengan buah-buahan dan sayur-sayuran serta mengurangkan pengambilan makanan dan minuman bergula adalah tindakan utama yang perlu diambil oleh setiap individu untuk menjaga kesihatan diri kita dan keluarga.

Malah, ramai di antara kita memulakan Tahun Baharu dengan resolusi untuk hidup dalam gaya hidup sihat terutama dengan cara yang kita makan. Walau bagaimanapun, apabila kita berada di pasar raya dan premis makanan, kita mendapati diri kita berhadapan dengan pelbagai pilihan makanan.

Sebahagian daripada ini adalah pilihan yang lebih sihat, tetapi yang lainnya adalah tinggi dalam kalori dan rendah nutrisi. Ia boleh menjadi sukar untuk membuat keputusan sama ada pilihan itu adalah sihat atau sebaliknya, namun kadang-kadang walaupun dengan niat yang baik, kita memilih makanan yang tidak baik untuk kita.

Dalam usaha menyokong pengguna untuk membuat pilihan yang lebih sihat untuk diri mereka sendiri, dan meneruskan visi 'Kesihatan adalah tanggungjawab semua orang', Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan secara aktif bekerjasama dengan industri makanan dan agensi-agensi yang lain.

Sehubungan itu, satu Bengkel Inisiatif Pilihan Sihat dengan Industri Makanan telah dijalankan, dengan tujuan untuk mewujudkan persekitaran pasaran tempatan yang boleh menawarkan pelbagai pilihan yang sihat bagi para pengguna.

Bengkel sehari itu telah dihadiri oleh 100 peserta dari agensi-agensi kerajaan, industri makanan, Perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan dan pemilik restoran tempatan.

Pada bengkel tersebut, Logo Pilihan Sihat Kementerian Kesihatan juga diperkenalkan. Ini merupakan perkembangan utama yang memberi kuasa kepada pengguna untuk membezakan antara pelbagai pilihan makanan yang ditawarkan.

Logo ini, dengan imej jantung dan tanda semak (*heart and a tick*), adalah logo positif depan pek untuk produk makanan dan minuman.

Logo Pilihan Sihat pada produk makanan yang dibungkus menunjukkan bahawa ia adalah pilihan yang lebih sihat, dan ini membantu pengguna untuk membuat pilihan makanan yang tepat apabila memutuskan apa untuk dibeli.

Produk mempunyai Logo Pilihan Sihat tersebut adalah lebih rendah dalam jumlah lemak, lemak tepu, natrium dan gula. Ada juga yang lebih tinggi dengan serat dan kalsium berbanding dengan produk yang sama dalam kategori makanan yang sama. Makanan dan minuman produk yang memenuhi Kriteria Nutrien Brunei, akan dapat menggunakan Logo Pilihan Sihat ini pada produk mereka.

Kementerian Kesihatan mengalu-alukan pihak yang berminat mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini untuk berhubung dengan Pusat Promosi Kesihatan melalui Talian Darussalam 123.

Penemuan spesies 'Spectacled Flowerpecker' di Taman Negara Ulu Temburong

Dari muka 3

Terangnya, tumbuhan *Melastoma* tumbuh melebihi daripada 30m dari tanah.

Dayang Hanyrol adalah merupakan bakal Ph.D di UBD yang mana kini bekerja dengan Anthony Chieng dari Sunshine Borneo Tours sebagai penyelidik yang bermastautin di Ulu-ulu Resort sejak Oktober 2016.

Menurutnya, tugas-tugas utama beliau di resort tersebut adalah untuk meninjau haiwan dan tumbuhan-tumbuhan untuk pembangunan pakej pelancongan berasaskan alam semula jadi. Ini termasuk memantau *Spectacled Flowerpecker* untuk kemungkinan bagi pelancongan memerhati burung (*birdwatching tourism*).

Bersama-sama dengan salah seorang daripada pemandu pelancong di resort tersebut, iaitu Martin Lating, Dayang Hanyrol mula memantau pembangunan dua tumbuhan *Melastoma* di menara kanopi sejak November 2016 dengan harapan bahawa satu hari *Spectacled Flowerpecker* akan memakan buah-buahan berkenaan.

Proses pemantauan adalah proses berterusan dan setakat ini, belum bernasib baik, katanya.

Latar belakang terperinci dan penerangan mengenai burung *Spectacled Flowerpecker*, katanya, boleh didapati di Buku *Birds of Borneo*.

Jelasnya, apabila burung tersebut diketahui kerap melawat tumbuhan di menara kanopi, burung berkenaan akan ditangkap

menggunakan *mist net* dan DNA dari burung tersebut (contoh seperti kulit) akan dihantar bagi analisis untuk mengesahkan sama ada ia adalah genetik yang berbeza dari *Flowerpecker* lain yang sudah diketahui ataupun spesies baharu, sebelum ia diberikan keterangan lanjut dan diberi nama saintifik.

Dalam pada itu, beliau seterusnya menerangkan mengenai rancangan masa depan untuk spesies burung *Spectacled Flowerpecker* itu yang mana akan bekerjasama dengan IBER dan Ulu-ulu Resort untuk menangkap burung yang mana beliau akan mengetuai projek tersebut bersama pembantunya, Awang Mahdi Hussainmiya dan Martin.

Sementara itu katanya, Profesor Ulmar Grafe, seorang penyelidik / penerang dari UBD akan menyelia projek berkenaan.

Di samping itu katanya, terdapat juga kemungkinan untuk bekerjasama bukan sahaja dari para pelajar tempatan tetapi juga penyelidik antarabangsa terutamanya dalam analisis DNA burung.

Menurutnya, jika *Spectacled Flowerpecker* diketahui kerap melawat menara kanopi apabila terdapat buah-buahan (dari *Melastoma* atau *Mistletoe*), tambahan lagi ia adalah burung yang jarang didapati, sudah pasti akan menarik peminat pencinta burung dari seluruh dunia untuk datang ke Negara Brunei Darussalam.

Dari sudut pandangan pemuliharaan jelasnya, ia akan mengukuhkan lagi perlindungan hutan Taman Negara Ulu Temburong.

Program Hala Tuju bantu para pelajar

PENSYARAH Kanan Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan, Awang Muhammad Khairulanwar bin Abdullah semasa menyampaikan taklimat.

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Dalam usaha membantu para pelajar Peringkat 'O' untuk membuat keputusan bagi masa depan mereka, Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan telah mengadakan sesi taklimat tentang membuat keputusan di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) dan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA).

Taklimat yang juga selaras dengan Program Hala Tuju Kementerian Pendidikan itu telah disampaikan oleh Pensyarah Kanan Kolej tersebut, Awang Muhammad Khairulanwar bin Abdullah.

Objektif utama taklimat itu adalah bagi membantu pelajar Peringkat 'O' untuk melihat ke hadapan untuk masa depan mereka dan membuat keputusan mengenai hala tuju yang akan mereka pilih.

Sesi taklimat antaranya menggariskan mengenai cara bertindak selepas membuat keputusan kerana ia memainkan peranan yang besar dalam kejayaan setiap individu.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif kolej itu untuk generasi akan datang, para pelajar digalakkan untuk membuat keputusan yang terbaik dan melakukannya dengan segera. Bertindak atas keputusan sangat penting bagi pelajar-pelajar berkenaan kerana ia menetapkan fikiran untuk terus bermotivasi mencapai matlamat bukan sahaja masa depan mereka tetapi juga untuk pembangunan negara.

Melalui langkah itu, kolej tersebut berharap pelajar-pelajar sekolah menengah seterusnya akan membuat keputusan yang jelas dan terbaik.



Elakkan pengubahsuaian meter elektrik tanpa kebenaran

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) merujuk pada gambar yang telah disebarikan melalui aplikasi WhatsApp pada 6 Februari 2017, mengenai dengan meter elektrik pra-bayar yang mengalami kebakaran.

Menurut Siaran Akhbar JPE, perkara ini sedang dalam siasatan untuk mengenal pasti punca kejadian.

Pihak JPE telah memulihkan bekalan elektrik di tempat berkenaan secepatnya.

Menurut isu-isu serupa yang terjadi sebelum ini, antara punca-punca kebakaran termasuk gangguan terhadap perjalanan meter (*meter tampering*), penggunaan elektrik yang berlebihan, pendawaian yang tidak mengikut panduan keselamatan elektrik dan pendawaian yang dilakukan oleh pemborong yang tidak berdaftar.

Oleh yang demikian, pihak JPE sukacita mengingatkan pengguna-pengguna untuk tidak mengganggu meter elektrik di premis mereka, tidak membuat tambahan atau perubahan pada pendawaian bangunan tanpa kebenaran Pengarah Perkhidmatan Elektrik dan menggunakan perkhidmatan pekerja yang berdaftar dengan JPE sahaja bagi sebarang kerja yang melibatkan pendawaian elektrik.

Dalam pada itu, pihak JPE ingin memaklumkan bahawa meter *tampering* merupakan kesalahan undang-undang di bawah Akta Elektrik (Penggagal 71) dan jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara tidak lebih dari lima (5) tahun.

Pihak JPE juga ingin memaklumkan kepada pihak pengguna untuk tidak perlu bimbang atas keselamatan meter-meter elektrik yang sedia ada.

Pihak JPE meminta kerjasama daripada orang ramai untuk memaklumkan apa jua kejadian yang melibatkan tenaga elektrik melalui Talian Darussalam 123.

Pihak pengguna juga boleh menghubungi talian tersebut sekiranya ingin memohon pemeriksaan atas meter elektrik atau pendawaian elektrik di premis mereka.

Orang ramai bolehlah melayari laman sesawang JPE (www.des.gov.bn) untuk meneliti Electrical Installation Requirements (EIR) sebagai panduan pemasangan dan penggunaan elektrik.

Terselamat tanpa sebarang kecederaan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Sebuah kenderaan jenis Ford Fiesta berwarna Metallic Silver milik seorang lelaki berbangsa Cina telah dilaporkan hangus di kawasan berhadapan dengan Jabatan Pengangkutan Darat di Beribi, Gadong.

Menurut siaran akhbar, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 11.19 pagi dan telah mengerahkan dua buah jentera bersama 10 anggota dari Balai Bomba Beribi ke tempat kejadian.

Mengetuai misi tersebut, Timbalan Pegawai Balai, Awang Matassim bin Mudim.

Semasa insiden berlaku, Ahli Bomba bertindak memadamkan api menggunakan *foam*, memandangkan api besar telah



KEADAAN kenderaan jenis Ford Fiesta yang hangus dipercayai berpunca dari kerosakan bahagian kotak fuis enjin kereta berkenaan.

membakar keseluruhan kereta berkenaan.

Kebakaran berjaya dikawal dalam masa 10 minit.

Pemandu kereta tersebut sempat menyelamatkan diri sebelum jentera Bomba sampai dan tidak

mengalami sebarang kecederaan.

Punca kebakaran telah dikenal pasti dan dipercayai berpunca dari kerosakan bahagian kotak fuis enjin kereta berkenaan.

Anggaran kerugian adalah kira-kira BND3,000.00.

Kursus tingkatkan kemahiran teknik fisio



AHLI Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Awang Morni bin Haji Zakaria bergambar ramai bersama Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai, Ahli-Ahli Jawatankuasa NFABD serta para peserta kursus.



AHLI Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Awang Morni memberi ucapan khas dan seterusnya merasmikan pembukaan Kursus Fisiologi di Dewan Serbaguna Rumah NFABD.



PARA peserta yang mengikuti kursus tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Lebih 40 peserta yang terdiri daripada ketua dan penolong jurulatih tempatan termasuk dari Liga Super dan Perdana DST, Guru Pendidikan Jasmani, Kementerian Pendidikan serta Jurulatih, Jabatan Belia dan Sukan dan juga Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) mengikuti Kursus Fisiologi selama tiga bermula hari ini.

Pembukaan kursus yang berlangsung di Dewan Serbaguna Rumah NFABD di sini dirasmikan oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif NFABD, Awang Morni bin Haji Zakaria.

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai serta Ahli-ahli Jawatankuasa NFABD.

Awang Morni semasa berucap, berharap agar para peserta akan dapat mengambil peluang dan menimba lebih dalam pengetahuan daripada kursus yang dianjurkan selama tiga hari itu.

Katanya, perisian dalam kursus itu sememangnya saling berkait rapat dan ia amat penting bagi keperluan dalam sukan bola sepak.

Para peserta tambahnya, akan dapat memantapkan kemahiran dalam bidang mereka itu, di

samping mempraktikkan dan menerapkannya nanti di bawah bidang masing-masing.

Sementara itu, pemudah cara kursus dari Singapore Sports Institute, Republik Singapura, Dr. Abdul Rashid Aziz ketika ditemui berkata, beliau akan menerangkan mengenai bagaimana tubuh badan manusia itu menghasilkan tenaga.

Dr. Abdul Rashid juga menyatakan dalam taklimatnya juga akan mengongsikan penemuan-penemuan baharu termasuk dari segi teknik, sesi pemanasan badan pada separuh masa serta hasil kajian yang dijelaskannya mengenai kaedah latihan dan bertanding semasa berpuasa pada bulan Ramadan.

Sepanjang kursus itu tambahnya, para peserta akan didedahkan dengan

kerja praktikal selama dua hari termasuk secara latihan individu bagi memahami dan melatih mereka akan tataraca yang teratur.

Kursus yang akan berakhir 8 Februari ini dianjurkan bersama oleh NFABD dan Pejabat Suruhanjaya

Tinggi Republik Singapura.

Selain itu, kursus juga menumpukan teori dan praktikal seperti Sistem Otot dan Tenaga, Prinsip Latihan, Keadaan Fisiologi dalam Bola Sepak, Latihan Aerobik dan Anaerobik dan pelbagai tajuk lain.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN KEWASPADAAN, JAMIN KESELAMATAN

دربیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.